



# **"MENGAPA SAYA TENTANG MAHATHIR"**

**- TENGKU RAZALEIGH HAMZAH**



# MENGAPA SAYA TENTANG MAHATHIR

- Tengku Razaleigh



BABI MULIA  
Babu Muliawati  
Babu Muliawati

## **KANDUNGAN**

Salam Penerbit	i
Latar Belakang Tengku Razaleigh Hamzah	iii
Menentang Kemungkaran Politik dan Ekonomi	1
"Ke Arah Perpaduan" Semangat '46	45
Mengapa Tengku Razaleigh Menolak Jawatan Menteri	67
Usaha Hidupkan UMNO '46 di Dewan Rakyat	81
Mengapa Semangat '46 Perlu Kerjasama PAS	109

© AZ Distributors

Cetakan Pertama Januari 1989

SENARAI  
JUAPAN

Mana-mana bahagian buku ini tidak dibenarkan  
diterbitkan semula dalam apa bentuk juapun  
tanpa izin dari penerbit

Diterbitkan oleh  
AZ Distributors  
No. 37/18, Petaling Jaya,  
Selangor

494408

M  
320.4595  
RAZ

Percetakan Berpadu Sdn. Bhd.  
No. 4, Jalan Keskes 3, Taman Cheras,  
56100 Kuala Lumpur. Tel: 03-9314050

- 2 JUN 1989

Perpustakaan Negara  
Malaysia

## **SALAM PENERBIT**

Mahu tidak mahu YBM Tengku Razaleigh Hamzah merupakan satu daripada pemimpin alternatif yang terkemuka kepada bangsa Melayu selagi UMNO, baik yang baharu ditubuh pada bulan Februari 1988 atau UMNO yang ditubuh pada 1946, selagi parti itu disokong oleh kebanyakan orang Melayu. Oleh kerana bentuk dan semangat UMNO telah begitu tertanam di dalam kebanyakan orang Melayu, pucuk pimpinan kini tidak berminat memberi nama baru kepada UMNO walaupun dari segi objektif, perlembagaan dan cara pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden, parti itu berbeda dengan UMNO asal. YBM Tengku Razaleigh pula berjuang untuk memulihkan UMNO yang asal. Dalam usaha beliau ini, beliau serta penyokong-penyokong setianya ditohmah sebagai golongan yang kecewa dan inginkan kuasa.

Mereka juga menyatakan mereka menentang "kemungkar" politik dan ekonomi. Adakah perjuangan mereka bersifat "emosional" dan hanya untuk memperjuangkan kepentingan diri? Adilkah tuduhan ini?. Memandangkan bahawa mass media yang "established" tidak mampu dan tiada kebolehan menyiarlu ucap-pan Tengku Razaleigh secara penuh adil, kami mengambil inisiatif membukukan segala ucap-ucapan penting yang telah beliau sampaikan dari ucap-pan dasar pada 19 April 1987

calun Presiden UMNO di Hotel Regent, Kuala Lumpur hingga ke ucapannya pada "Majlis Makan Malam Pemikir Ummah" anjuran Dewan Pemuda PAS Pusat pada 23 Disember 1988. Satu pertemuan Semangat 46-PAS yang selama ini tidak pernah difikirkan akan berlaku - satu pertemuan yang YBM Tengku Razaleigh sifatkan "segala-galanya ini kehendak Allah".

Kami harap dengan buku ini, rakyat akan dapat gambaran yang lebih jelas mengenai perjuangan Semangat 46 yang hendak memulihkan UMNO asal yang memang banyak jasanya kepada bangsa Melayu, agama Islam dan negara Malaysia. Sebuah parti yang mendokong amalan demokrasi yang liberal yang telah menjamin kebebasan kehakiman, yang dipandang tinggi oleh banyak pihak dan negara.

### **Penerbit**

## LATAR BELAKANG TENGKU RAZALEIGH HAMZAH

**Tengku** Razaleigh bin Tengku Mohamed Hamzah yang dilahirkan pada 13hb. April 1937 di Kelantan memang dilahirkan untuk menjadi pemimpin besar. Cuma masanya sahaja belum tiba.

Sejarah awalnya memperlihatkan kehebatannya di bidang-bidang pilihan dan kejayaan telah meletakan dirinya di tahap yang tertinggi di bidang tersebut. Pendek kata Tengku Razaleigh mempunyai " tangan emas ", segala yang dipegang menjanjikan kejayaan.

Beliau mula mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Garung, Kolej Sultan Ismail dan kemudian melanjutkan pelajaran ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, sebuah pusat pengajian yang banyak membimbang dan melahirkan tokoh-tokoh besar. Allahyarham Tun Haji Abdul Razak adalah antara bekas pelajar maktab itu.

Keluarganya merasakan Tengku Razaleigh perlu diberikan ruang pendedahan dengan ilmu pengetahuan yang lebih tinggi lalu mereka memilih University of Belfast sebagai persediaan ke arah itu. Beliau lulus dengan memperolehi Ijazah dalam bidang ekonomi dari universiti berkenaan. Menuntut ilmu tiada penghujungnya, begitu juga cita-cita Tengku Razaleigh. Dengan berbekalkan semangat ingin

Di waktu Tun Haji Abdul Razak menjadi Perdana Menteri menggantikan Tunku Abdul Rahman, Tengku Razaleigh telah menjadi orang kesayangan tokoh berkenaan. Tengku Razaleigh dilbarat anak emas Tun Razak hingga kasih itu ditunjukkan secara terbuka melalui kepercayaan menjawat beberapa jawatan penting. Ini termasuklah menjadi Pengerusi Pernas, Petronas dan Bank Bumiputra. Waktu menjadi Pengerusi Pernas, Tengku Razaleigh telah mengadakan lawatan ke Negeri China dan merupakan orang yang pertama menemui Perdana Menteri Chow En Lai. Tun Razak kemudiannya mempelopori kerjasama kedua-dua negara.

Barangkali sejarah bersetuju jika kita sebut Tengku Razaleigh adalah arkitek yang membolehkan Malaysia dan China menjalin hubungan berbaik-baik.

Kejayaan terbesar Tengku Razaleigh ialah penglibatannya menujuhkan Bank Bumiputra, sebuah bank milik orang melayu sepenuhnya. Waktu itu ekonomi dan bank-bank perdagangan banyak dikuasai oleh orang-orang asing, orang melayu sekadar menjadi drebar atau pun kerani rendah sahaja.

Kepercayaan Tun Razak meletakkan Tengku Razaleigh di Bank Bumiputra tepat sekali kerana dari situlah orang-orang melayu diajar untuk menjadi pemilik bank dan pengurus yang baik. Mengingatkan tugas berat yang dipikulnya pada waktu itu, Tengku Razaleigh pernah mengeluh kerana sesetengah pihak masih menuduhnya tidak menolong orang-orang

maju beliau telah melanjutkan pelajarannya dalam bidang undang-undang di Lincoln's Inn, London. Cita-citanya untuk menjadi seorang peguam terbantut apabila beliau terpaksa pulang segera ke tanahair kerana bapanya sakit kuat. Seterusnya beliau telah diminta menguruskan perniagaan keluarganya dan permintaan ini tidak dapat ditolak.

Sewaktu pulang ke tanahair pada tahun 1962 Tengku Razaleigh telah memohon untuk menjadi ahli UMNO dan seterusnya telah dilantik menjadi Ketua UMNO Bahagian Ulu Kelantan. Pada tahun berikutnya beliau dilantik menjadi Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Kelantan dan turut dilantik menganggotai Majlis Tertinggi UMNO. Pada tahun 1967 beliau menjadi Ketua Perhubungan UMNO negeri Kelantan.

Bintang politiknya semakin hari semakin bergemerlapan dan dalam tahun 1969 atas permintaan Tunku Abdul Rahman Putra, Tengku Razaleigh bersetuju bertanding bagi kawasan Dewan Undangan Negeri, menentang Dato Asri Muda. Beliau menang dalam pertandingan itu. Pada tahun 1974 atas permintaan Tun Razak, beliau bertanding bagi kerusi Parlimen dan seterusnya memenanginya.

Semenjak kemunculannya di arena politik, Tengku Razaleigh telah menjadi seorang tokoh yang diberikan perhatian meluas, termasuklah perhatian dunia barat. Malah namanya telah diramalkan sebagai salah seorang tokoh besar dunia suatu masa nanti. Ramalan itu dibuat oleh majalah Time dalam keluaran Julai 1974.

Di waktu yang sama juga Tun Razak meletakkan tanggungjawab yang besar di atas bahunya meminta beliau memajukan industri minyak di negara ini. Penubuhan Petronas, sebuah syarikat minyak milik negara merupakan satu kejayaan yang di luar dugaan orang ramai. Beliau barangkali tidak digelar Sheikh Zaki Yamani Malaysia tetapi kejayaannya memodenkan industri minyak hingga menjadikan ia sebuah industri yang menguntungkan harus dipuji. Petronas kini muncul sebagai sebuah institusi raksasa yang banyak membantu menyelamatkan dunia perniagaan kaum bumiputera.

Perlu ditekankan di sini, di waktu penubuhan Petronas dan Bank Bumiputera, tidak ramai tokoh-tokoh Melayu yang mempunyai karisma untuk diketengahkan. Pemilihan Tengku Razaleigh tentulah telah dicongak lebih awal lagi oleh Tun Razak. Rupa-rupanya pilihan Tun Razak amat tepat. Landasan yang disediakan oleh Tengku Razaleigh telah menghasilkan buah-buah kejayaan dan ianya telah membawa negara menikmati tahap pencapaian yang tinggi di bidang pembangunan.

Setiap kejayaan memerlukan pengorbanan. Di sebalik kejayaan juga tentu ada pihak yang tidak senang. Budaya cemburu kerana kejayaan yang dicapai tidak boleh dielakkan. Tetapi Tengku Razaleigh tidak mendabik dada men dakwa semua kejayaan itu adalah atas perancangannya, beliau lebih suka merendah diri.

Kemuncak kepada kempen pemilihan bagi

melayu. Kononnya Tengku Razaleigh lebih senang berbaik-baik dengan saudagar cina daripada menolong kaum sebangsa dengannya.

Menjawab kritikan ini beberapa tahun lalu, Tengku Razaleigh telah mengajak orang ramai melihat kejayaan orang melayu di bidang "Banking" dewasa ini. "Saya masih ingat semasa saya dan Encik Raslan menubuhkan Bank Bumiputera dahulu, saya mengambil Encik Wong Am Pui dan Dato Khoo Kay Peng bekerja. Kedua-dua mereka inilah yang melatih anak-anak melayu hingga pukul sepuluh malam. Jika hendak harapkan orang kita melatih orang kita, orang-orang melayu waktu itu belum pernah bekerja dengan bank-bank."

Hari ini orang-orang Melayu bukan sahaja berjaya memegang jawatan penting di dalam bank-bank tempatan malah ada yang memiliki saham terbesar di dalamnya.

Sebelum Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kewangan, hanya Bank Bumiputera yang menjadi lambang kejayaan kaum bumiputera. Ia dianggap menara harapan usahawan Melayu di dalam menerokai bidang perniagaan.

Tetapi sekarang orang-orang melayu menerusi berbagai-bagai institusi termasuk secara persendirian telah memiliki sembilan buah bank dengan jumlah harta bernilai lebih \$ 17.9 billion.

Kebanyakkhan bank-bank ini dimiliki oleh "investment arm" kaum bumiputera seperti Tabung Angkatan Tentera, Syarikat Permodalan Kebangsaan, Lembaga Urusan Tabung Haji, Syarikat Kerjasama Polis dan lain-lain lagi.

jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981, di waktu timbulnya isu kononnya beliau tidak berusaha membantu orang-orang Melayu; Tengku Razaleigh menjelaskan : "Saya tahu orang-orang Melayu kenal siapa saya. Mereka telah pun melihat rekod saya, yang berjuang untuk orang-orang Melayu. Siapa di Malaysia ini yang membuat lebih dari saya, untuk faedah ekonomi orang-orang Melayu selain dari Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Abdul Razak ?

Saya tidak suka bercakap seperti ini kerana ini bermakna saya meniup trompet saya sendiri, tetapi hal ini adalah kenyataan. Soal pindah milik saham saya yang mencadangkan gagasan itu." katanya.

Sikap merendah diri telah menjadi amalan hidupnya walaupun beliau adalah berdarah bangsawan. Kerana menyedari hakikat bahawa selaku orang politik tidak ada darah putih, semuanya berdarah merah.

Soal kekayaan sering menjadi isu dalam politik, tetapi Tengku Razaleigh menikmati kekayaan bukan menerusi UMNO. Selaku Menteri Kewangan beliau tidak membolot peluang, membina empayar kekayaan dengan menggunakan kesempatan yang ada. Beliau sendiri berasal dari orang kaya raya. Kekayaan itu adalah warisan dari ayahandanya Almarhum Tengku Hamzah atau dikenali di Kelantan sebagai Tengku Serimah (Tengku Seri Maharaja).

Tetapi oleh kerana beliau memegang jawatan Menteri Kewangan sejak tahun 1976 tuduhan bahawa beliau menggunakan kesempatan un-

tuk menolong kawan-kawannya menjadi "instant" jutawan sering dilemparkan.

Telah menjadi dasar hidupnya, beliau tidak melayani tohmahan sedemikian rupa. Malah melalui jawatan Menteri Kewanganlah beliau menjadikan jawatan berkenaan jawatan terkannan dalam kabinet. Setiap tahun perhatian tertumpu kepada beliau untuk mengumumkan Belanjawan Negara. RTM menjadikannya acara "live". Sejak itu Tengku Razaleigh telah mematikan tuduhan bahawa orang Melayu tidak mampu menjadi Menteri Kewangan. Di bawah beliaulah pertumbuhan ekonomi negara berada di paras 6 dan 8 peratus setahun. Perkembangan ini amat memikat hati para pelabor asing sebagai tanda perkembangan ekonomi Malaysia berada di tahap yang membanggakan.

Tengku Razaleigh mencatat sejarah sebagai Menteri Kewangan yang paling lama berkhidmat. Beliau mula memegang jawatan itu pada 5hb. Mac 1976 dan tamat pada Julai 1984.

Beliau telah ditukarkan ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di dalam satu rombakkan kabinet, di tempat lamanya itu dilettakkan Daim Zainuddin, sahabat baik Perdana Menteri.

Sewaktu memperhambakan diri pada politik, liku-liku yang beliau lalui tidaklah mudah. Tetapi bersusah payah itu tidak dikesali, tidak pernah beliau toleh ke belakang.

Beliau telah mendapat penghormatan menjadi Naib Presiden UMNO pada bulan Julai 1974 setelah dilantik oleh Majlis Tertinggi kerana berlaku kekosongan. Kematian Tun Dr.

"Saya telah menjadi Naib Presiden selama tiga penggal berturut-turut dan sebelum itu ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Ianya bukan soal darah keturunan .

Mereka menerima saya sebagai individu. Saya kalah kerana saya tidak kempen bersungguh-sungguh. Saya tidak memekik dengan slogan atau janji-janji. Saya tidak berlagak sebagai seorang pelampau atau sebagai seorang perkauman kerana saya tidak suka berlagak sedemikian. Saya suka menjadi seperti diri saya hari ini dan membuat kerja dengan diam seper-timana yang telah saya lakukan selama ini. Dan jika saya bercakap tentang kecapaian saya, orang akan kata saya tiup trompet sendiri."

Tengku Razaleigh pernah memberitahu bahawa dia tidak ada kerjaya, dia tidak berniat untuk memasuki kabinet. "Saya masuk UMNO (lama) kerana hendak berjuang membela nasib kaum saya, itu sahaja." katanya.

Tetapi hari ini beliau tidak boleh berpatah ke belakang kerana beliau sekarang mempunyai ramai pengikut yang begitu setia dan mengharapkan pimpinannya. Gerakkannya untuk menyedarkan rakyat betapa perlunya mereka merubah pucuk pimpinan negara sudah mula mendapat sambutan samada di kampung-kampung mahupun di bandar-bandar.

Tengku Razaleigh telah memenuhi sebahagian kehendak Tun Razak yang ingin melihat beliau menerima jawatan Menteri walaupun sehari. Sayangnya Tun Razak pada Tengku Razaleigh dapat dilihat sejak Tun Razak dirawat di kota London kerana sakit Leukimia. Tengku Razaleigh

Ismail Abdul Rahman telah menaikkan Tun Hussein di tempat ke dua dalam parti dan kerajaan. Kekosongan jawatan Naib Presiden dilihat amat bersesuaian untuk diisi oleh Tengku Razaleigh yang jasanya waktu itu begitu banyak pada parti dan bangsa Melayu.

Bila berlaku pemilihan di dalam tahun 1975 dan 1978 Tengku Razaleigh berjaya mempertahankan jawatan berkenaan.

Kemuncak kepada kerjaya politiknya ialah pertandingan bagi jawatan Presiden UMNO yang berlaku pada 24hb. April 1987. Beliau yang berpadu tenaga dengan Dato Musa Hitam bagaimanapun gagal menjatuhkan regu Dr. Mahathir dan Ghafar Baba .

Tengku Razaleigh tewas 43 undi di tangan Dr. Mahathir. Soalnya apakah beliau melihat beliau berjaya di dalam kerjayanya sebelum tewas kepada Dr. Mahathir bagi jawatan tertinggi pada tahun 1987 ?.

Barangkali beliau tewas di dalam usaha merebut jawatan-jawatan penting seperti Timbalan Presiden dan Presiden UMNO tetapi itu sahaja bukanlah kriteria kejayaan.

Rebutan jawatan-jawatan itu adalah sebagai satu cara memenuhi proses demokrasi yang mengamalkan kebebasan memilih ketua. Kekalahan tidak bererti dia tidak diterima atau pun dia telah ditolak oleh parti. Banyak faktor yang mempengaruhi kekalahan, salah satunya seperti yang beliau terangkan sewaktu mengulas kekalahannya di tangan Dato Musa Hitam bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981. Antara lain beliau berkata:-

adalah salah seorang yang Tun Razak panggil untuk menemuinya. Tun Razak berkali-kali memujuk Tengku Razaleigh agar menerima juga tawaran jawatan Menteri. Kematian Tun Razak telah melembutkan hati Tengku Razaleigh dan akhirnya setelah mendapat buah fikiran Tunku Abdul Rahman, Tengku Razaleigh menerima tawaran itu.

**Abd. Rahim Kassim**

**1hb. Jan. 1989**

**Kuala Lumpur.**

# **MENENTANG KEMUNGKARAN POLITIK DAN EKONOMI**

**Terlebih** dahulu saya ingin melafazkan rasa syukur kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya saya mendapat peluang pada hari ini untuk berpandang mata dan bersua muka dengan saudara-saudari sebangsa dan seagama yang saya kasih. Disamping bersyukur, saya juga berdoa semoga Allah maha pengasih membimbang saya ke jalan yang lurus dan memberi petunjuk dan hidayah dalam setiap keputusan yang saya ambil dan setiap tindakan yang saya lakukan. Saya berdoa semoga saya dipelihara dan dijauhkan Allah dari sebarang sifat riak dan takbur dan semoga segala tuturkata dan perbuatan saya yang khilaf sebagai seorang hamba Allah yang dhaif dan mempunyai berbagai kelemahan akan mendapat keampunan dari-Nya.

Berkat syufaat junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w kepada Allah juga saya memohon rahmat dan rahim semoga niat dan amalan saya mendapat redha dan berkat dari-

---

*Ucapan Dasar YBM Tengku Razaleigh Hamzah pada 19hb. April, 1987 sebagai calon Presiden UMNO di Hotel Regent Kuala Lumpur*



**Beliau sedang menerangkan sesuatu kepada Dato'  
Husein Onn**

pada-Nya.

Kepada saudara-saudari sebangsa dan seagama yang saya kasihi sekalian, sama ada yang hadir bersama dalam dewan ini mahupun yang hanya mendengar suara di tempat lain, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian dan kesanggupan saudara-saudari bersama saya. Saya sedar bahawa kehadiran saudara-saudari ini bukan sahaja satu kesediaan mengorbankan masa dan tenaga, malah juga merupakan satu tanda keberanian untuk menghadapi dan menanggung berbagai-bagi kemungkinan dan risiko. Semuanya ini menyebabkan hati saya rasa tersentuh, perasaan saya sangat terharu, justeru itu dengan sendirinya semangat saya semakin berkobar, azam saya semakin padu dan tekad saya semakin kuat. Oleh kerana itu sama-sama kita berdoa semoga Allah yang maha pengasih dan maha pemurah akan memberkati pertemuan kita ini dan membimbing kita ke jalan dan matlamat yang diredhai-Nya.

Pertemuan kita ini diadakan sempena Perhimpunan Agung Tahunan yang ke 38 parti UMNO kita yang tercinta. Sebagaimana sama-sama kita sedari Perhimpunan Agung Tahunan kali ini diadakan dalam suasana yang sangat berbeza berbanding dengan perhimpunan-perhimpunan yang lalu. Sekarang kita berada dalam suasana yang bukan sahaja lebih mencabar azam dan keberanian kita, malah juga dalam suasana yang lebih merunsingkan hati dan mendebar kan dada.



Dalam usaha yang sebegitu muda beliau mendapat kepercayaan daripada pemimpin - Kelihatan beliau bersama Allahyarham Tun Dr. Ismail



Sedang membantangkan Belanjawan Negara

Hati kita runting kerana suasana yang muram dan malap, terutama di bidang ekonomi. Perasaan kita risau kerana wujudnya krisis kepercayaan atau kredibiliti di berbagai-bagai bidang kehidupan kita bermasyarakat dan bernegara. Dari sehari ke sehari kita semakin merasa bimbang kalau-kalau kita akan terus berpaut di dahan rapuh dan berpijak di tanah runtuh.

Oleh kerana itulah juga dari sehari ke sehari degup hati dan debar dada kita semakin kencang mengharap dan memikirkan perubahan, iaitu perubahan yang mengarah kepada perbaikan dan kesempurnaan. Tetapi sebagai satu masyarakat yang berakal dan telah terdedah kepada aspek-aspek positif dari modenisasi, kita menyedari bahawa perubahan tidak akan datang bergolek tanpa usaha, dan ajaran agama kita yang maha suci juga telah mengingatkan kita bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu kecuali kaum itu sendiri berusaha mengubahnya. Maka berpandukan ajaran agama itulah dengan segala kerendahan hati saya memohon kesudian saudara-saudari sekalian agar kita bersama-sama berusaha merubah keadaan yang malap dan muram ini menjadi cerah dan memberi harapan kembali.

Agama menasihatkan agar kita menyeru dan melaksanakan apa yang "makruf" serta menolak apa yang "mungkar". Konsep "amal makruf dan "nahi mungkar" itu sewajarnyalah difahami dan dihayati dalam pengertian Islam itu sebagai "addin"- satu sistem kehidupan yang luas dan menyeluruh yang juga meliputi



Beliau melayani teramunya dari Negara Timur Tengah

politik dan ekonomi. Oleh kerana itu, penentangan terhadap kemungkaran politik dan ekonomi itu wajarlah juga dianggap sebagai satu ibadat sesuai dengan ajaran agama kita yang suci.

Kita sama memahami bahawa sebagai hamba-hamba Allah yang beribadat kepadaNya kita mempunyai kewajipan untuk mencapai bukan sahaja kesejahteraan di akhirat tetapi kebahagian yang diredhai Allah di dunia ini. Sebarang kemungkaran yang mencemar dan menghalang kita untuk mencapai kesejahteraan itu hendaklah ditentang dan dihapuskan.

Marilah sama-sama kita menentang kemungkaran-kemungkaran politik dan ekonomi yang sedang mengancam kesejahteraan hidup kita bermasyarakat dan bernegara. Marilah kita menganggap usaha menentang kemungkaran tersebut sebagai satu ibadat kepada Allah S.W.T. dan sebagai satu tanggungjawab suci terhadap bangsa dan negara.

Kesan-kesan buruk daripada berbagai-bagai kemungkaran tersebut sebenarnya telah mula kita rasakan. Dan keadaan ini sudah pasti akan bertambah buruk jika kemungkaran di berbagai-bagai bidang itu tidak ditentang dengan segera. Di bidang politik, kita perhatikan kemungkaran-kemungkaran tersebut menjelma dalam gaya kepimpinan yang semakin diktatorial dan otokratik yang semakin enggan berunding dan semakin enggan mendengar pendapat dan teguran-teguran yang membina, yang semakin ternoda dengan amalan-amalan pilih

kasih yang menyebabkan parti berpuak-puak, dan yang semakin tercemar dengan tabiat menyebarkan fitnah serta menimbulkan rasa syak wasangka dan cemburu yang mengancam perpaduan sosial dan keutuhan ukhuwah.

Kemungkaran-kemungkaran ekonomi pula semakin jelas terpampang dengan hasil-hasil perancangan ekonomi yang tidak teliti mengenai projek-projek tertentu; kecenderungan menumpukan kekayaan kepada segelintir golongan yang sentiasa dirasuk nafsu tamak dan haloba yang tidak mengenal batas, skandal-skandal kewangan dan perniagaan semakin berleluasa sama ada secara berselindung, atau secara samar-samar mahupun secara berterus terang. Peluang-peluang ekonomi di kalangan bumiputera sendiri tidak lagi diagih-agihkan dengan adil dan saksama. Perancangan yang tidak teliti dan perlaksanaan yang tidak sistematik mengenai projek-projek tertentu, telah menyebabkan hutang negara semakin bertumpuk-tumpuk, pertumbuhan ekonomi semakin rendah dan kadar pengangguran semakin menggerunkan.

Saudara-saudari yang dikasihi,

Semua kemungkaran politik dan ekonomi itu tidak boleh dibiarkan berterusan. Kemungkaran-kemungkaran itu mestilah ditentang dan langkah-langkah yang berani mestilah kita ambil untuk membawa perubahan. Semuanya ini adalah menjadi tanggungjawab kita bersama sesuai dengan ajaran agama yang menuntut kita menentang sebarang bentuk kemungkaran. Saya mengajak saudara-sau-

ini. Tetapi dalam usaha kita menentang kemungkaran politik yang kita hadapi sekarang, yang paling utama dikenang mengenai Allahyarham ialah jasanya menyatupadukan bangsa di saat-saat genting dan kritikal dalam tahun-tahun 1946 dan 1947 itu. Perpaduan bangsa yang telah dicapainya itulah yang sentiasa wajib menjadi pedoman dan teladan perjuangan kita, baik pada masa sekarang maupun di kemudian hari.

Oleh yang demikian, kerana kita telah sama-sama menyedari bahawa perpaduan bangsa dan ummah, maka adalah menjadi tanggungjawab kita bersama menentang kemungkaran tersebut sebagai satu tugas suci melanjutkan perjuangan pemimpin ulung bangsa kita, Dato' Onn bin Jaafar.

Saudara-saudari sebangsa dan seagama yang dikasihi,

Berkat perpaduan bangsa yang telah diasaskan oleh Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar itu, perjuangan menuntut kemerdekaan yang dianjurkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra dalam tahun-tahun lima puluhan telah berjalan dengan lancar dan jaya sehingga negara kita yang pada masa itu bernama Persekutuan Tanah Melayu muncul di arena antarabangsa sebagai satu negara yang diiktiraf merdeka dan berdaulat. Dan sejarah telah mencatatkan bahawa sebagaimana perjuangan menentang "Malayan Union", perjuangan mencapai kemerdekaan beroleh kejayaan berkat perpaduan bangsa yang dipelopori oleh UMNO yang sentiasa peka terhadap hasrat dan aspirasi rakyat

dari sekalian bersama-sama dalam satu jemaah mengorak langkah dan berganding bahu membawa perubahan untuk menentang kemungkar-an-kemungkaran itu.

Dalam merancang dan berusaha membawa perubahan ini, kita perlulah menoleh ke belakang melihat kembali sejarah dan kegemilangan perjuangan para pemimpin ulung parti dan bangsa kita sebelum ini. Kita perlulah menghayati segala kebijaksanaan, jasa bakti dan pengorbanan mereka yang terdahulu daripada kita.

Marilah sama-sama kita mengenang jasa dan bakti Allahyarham Dato' Onn Jaafar yang telah membangkitkan kesedaran dan kemudian menyatupadukan bangsa Melayu. Dato' Onn adalah penganjur yang telah menggelorakan semangat umat Melayu agar bangun dan bersatu menentang rancangan 'Malayan Union' yang hendak mencabul maruah dan martabat bangsa kita itu. Dan berkat kepimpinan Dato' Onn yang dinamik dan sentiasa mengutamakan perpaduan itu, bangsa Melayu telah bangkit dari tidurnya dan dengan lantang dan gagah bersuara menuntut hak dan kedaulatan yang sah di tanahairnya sendiri.

Dengan cogankata sakti "Hidup Melayu", Dato' Onn benar-benar telah menghidupkan kembali martabat dan maruah bangsa kita yang hampir lemas oleh arus rancangan "Malayan Union" itu. Sebagai seorang pemimpin agung yang berjasa dan perkasa banyak perkara-perkara lain yang boleh kita sebut bila mengenang dan menghayati perjuangan Allahyarham Dato' Onn

pendidikan kebangsaan yang tegap dan teguh bagi bangsa dan negara kita.

Dizaman kepimpinan Allahyarhamlah bangsa Melayu mencapai puncak perpaduannya di mana keutuhan kuasa dan kestabilan pemerintahan telah memungkinkan pelancaran berbagai-bagai rencana dan projek. Di zaman itu semangat nasionalisme yang berkobar-kobar tidak sampai menjerumuskan kita kepada perancangan ekonomi yang tidak teliti. Ertinya pucuk pimpinan negara semasa Tun Razak tidak tersalah langkah dalam amalan-amalan ekonomi. Di zaman kepimpinan Allahyarham jugalah kehadiran Malaysia di arena antarabangsa menempah sejarah baru. Hubungan kita dengan berbagai-bagai negara berdaulat di serata dunia tidak semata-mata ditentukan oleh perhitungan emosional atau kepentingan-kepentingan tertentu, sebaliknya dirumuskan dengan asas-asas rasional, pragmatik dan mengutamakan kepentingan-kepentingan rakyat, politik dan ekonomi negara kita.

Ertinya kepimpinan Allahyarham tidak melibatkan kita dalam amalan-amalan kemungkaran politik yang memecah belahkan perpaduan dan merugikan perjuangan.

Apabila Tun Razak meninggal dunia secara tiba-tiba, parti dan negara terhutang budi kepada Tun Hussein Onn yang mengambil alih kepimpinan dalam saat-saat duka dan berkabung.

Sebagai seorang yang berlatarbelakangkan latihan ketenteraan beliau melaksanakan amanah kepimpinan yang diper tanggungjawabkan kepadanya dengan penuh

jelata. Oleh kerana itu, dalam suasana yang penuh bergolak seperti sekarang, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mempastikan bahawa kepekaan UMNO terhadap aspirasi rakyat jelata itu jangan sampai terjejas oleh kemungkaran politik yang kita hadapi ini.

Dengan kepimpinan yang mesra dan penuh kasih sayang dari YTM Tunku Abdul Rahman serta dengan sikap terbuka dan penuh muhibbah yang menjadi ciri utama peribadi beliau, kita mencapai kemerdekaan dan serentak dengan itu persefahaman antara kaum telah dapat pula dipelihara. Maka berikutan dengan itu semangat nasionalisme Melayu yang sihat dan terbuka, dengan kesedaran sosial dan politik yang tinggi dan peka, kerajaan pimpinan UMNO telah menyahut hasrat dan aspirasi rakyat jelata dengan mempelopori dan melancarkan rancangan pembangunan luar bandar secara besar-besaran untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi anak watan yang sedemikian lama diabaikan. Untuk semuanya itu kita amat bersyukur kepada Allah dan merasa amat terhutang budi kepada Allahuhyarham Tun Abdul Razak yang kita kasih dan kekal dalam ingatan.

Allahuhyarham Tun Abdul Razak dikenal sebagai Bapa Pembangunan dan negarawan yang berpandangan jauh dan mempunyai kecintaan yang amat mendalam terhadap rakyat jelata terutama yang di luar bandar.

Allahuhyarham adalah seorang perencana dan negarawan yang telah berjaya meletakkan gagasan ekonomi, kebudayaan, bahasa dan

kesetiaan walaupun dalam jangka waktu yang amat singkat. Dan sebagai seorang yang mempunyai pengalaman guaman, beliau sentiasa menghormati peraturan dan dengan demikian berusaha mengelakkan kemungkar-kemungkar politik dan ekonomi.

Bila Tun Hussein Onn dengan penuh krelaan dan penuh semangat ukhuwah menyerahkan kepimpinan parti dan negara kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dalam tahun 1981, boleh dikatakan seluruh negara menyambutnya dengan penuh harapan. Walaupun pada masa itu, saya adalah seorang calon yang tidak berjaya untuk mendapat satu jawatan yang saya tandingi dalam pucuk pimpinan, namun dengan ikhlas, saya mengakui bahawa pucuk pimpinan baru parti selepas pengunduran Tun Hussein Onn itu benar-benar telah melahirkan satu suasana optimistik dan membawa harapan dan semangat baru terhadap seluruh negara. Kita merasakan bahawa parti dan negara di awal tahun lapan puluhan itu sedang diterajui oleh satu generasi kepimpinan yang mempunyai vissi dan berpandangan jauh, yang mempunyai keupayaan memperseimbangkan semangat idealisme dan tuntutan-tuntutan pragmatik.

Melihat semuanya itu secara umum dapat dikatakan bahawa semangat kita berkobar-kobar dan harapan kita bernyala-nyala. Kita melihat parti dan negara dipimpin oleh satu barisan generasi baru yang rata-rata lebih muda usianya, tetapi lebih tinggi pendidikannya, dan lebih idealistik serta nasionalistik sikap dan

orientasinya. Kita telah dijanjikan dengan satu kepimpinan yang "Bersih, Cekap, Amanah". Tetapi tidak lama kemudian serangkaian harapan yang ibarat mimpi-mimpi indah itu telah bertukar corak menjadi igauan-igauan yang mengganggu ketenteraman perasaan dan jiwa kita. Diharapkan panas sehingga ke petang rupanya hujan di tengahari.

Saudara-saudari sekalian,

Kita kecewa, tapi lebih dari sekadar merasa kecewa. Kita mulai merasa takut dan gerun kerana semua harapan dan mimpi-mimpi indah kita tadi telah semakin pupus dan tenggelam oleh kemungkaran-kemungkaran politik dan ekonomi yang semakin menjadi-jadi dan menimbulkan rasa tersisih atau "sense of alienation" di kalangan berbagai-bagai golongan.

Rasa tersisih itu telah menyebabkan banyak pihak-pihak yang sepatutnya bekerjasama dan berganding bahu dengan kita, telah berkecil hati dan menjauhkan diri. Sehingga Bapa Kemerdekaan dan bekas Presiden parti kita, YTM Tunku Abdul Rahman sendiri sampai tergamac berkata bahawa beliau "tidak ingin lagi mengambil tahu hal ehwal UMNO". Hanya seorang bapa yang benar-benar telah merasa berkecil hati sahaja yang akan tergamac untuk tidak mahu mengambil tahu hal ehwal anak kandungnya sendiri.

Dikalangan keluarga parti kita pula, rasa tersisih itu telah menyebabkan perpecahan di setiap peringkat. Perpaduan dan rasa persaudaraan di dalam parti mula terancam. Sehubungan dengan ini, kita dapatkan satu keadaan yang

tong sementara kadar faedah pinjaman perumahan bagi kakitangan awam telah dinaikkan. Tindakan ini bukan saja menyulitkan kehidupan kakitangan awam malah turut menjelaskan pemaju-pemaju perumahan yang mula menghadapi masalah untuk menjual rumah-rumah yang telah dimajukan.

Semua kita sedar, sebahagian besar daripada pegawai-pegawai kerajaan itu adalah orang Melayu sendiri. Malah di dalam perkhidmatan awam itu juga terkumpulnya kalangan cerdik pandai Melayu; yang kebanyakannya mereka itu dahulunya berasal dari desa dan luar bandar. Kebanyakan mereka itu adalah juga anggota atau penyokong UMNO yang setia.

Dan kita juga sedar, bahawa rancangan pembangunan luar bandar yang dipelopori oleh Tun Razak dahulu tidak mungkin akan terlaksana dengan sempurna tanpa komitmen, dedikasi dan kesetiaan pegawai-pegawai kerajaan. Tetapi sekarang kebanyakan mereka telah mengalami rasa tersisih akibat kemungkaran-kemungkaran politik dan ekonomi yang dilakukan oleh pucuk pimpinan politik yang tidak peka terhadap perasaan dan aspirasi pegawai-pegawai kerajaan itu.

Selain daripada pegawai-pegawai kerajaan, rasa tersisih juga telah merebak luas di kalangan masyarakat intelektual dan akademik. Dalam keghairahan kita memperbanyak pusat-pusat pengajian tinggi - yang sememangnya patut dipuji dan disambut baik - kemudahan-kemudahan perkhidmatan yang lebih baik untuk golongan akademik itu tidak mendapat per-

"ironic" iaitu dalam keghairahan kita hendak bermuzakarah dengan PAS, kononnya untuk menyelesaikan masalah perpecahan ummah, kita seakan-akan tidak sedar atau sengaja tidak mahu menyedari bahawa dalam parti kita sendiri - benih-benih perpecahan telah mula bercambah.

Manakala di kalangan kakitangan perkhidmatan awam pula rasa tersisih itu telah melahirkan satu sikap tidak peduli dan sinis. Semangat bekerjasama dan saling hormat menghormati antara pemimpin politik dan pegawai-pegawai kerajaan yang di zaman Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein dahulu adalah menjadi kebanggaan, sekarang telah menimbulkan kebimbangan. Pegawai-pegawai kerajaan telah mengalami perasaan tersisih dan kecewa akibat sikap pucuk pimpinan politik yang kurang peka terhadap perasaan dan hati mereka. Perbuatan mengejek dan menyindir pegawai-pegawai kerajaan seakan-akan menjadi satu kegemaran utama pucuk pimpinan politik. Kebanyakan pendapat dan pandangan profesional daripada mereka semenjak akhir-akhir ini seringkali diketepikan.

Mereka dituntut agar meningkatkan kecekapan dan produktiviti, tetapi langkah-langkah untuk memupuk "morale" dan semangat mereka tidak diberi perhatian yang wajar. Lebih mendukacitakan lagi, kemudahan mendapat pencegah selama ini merupakan keistimewaan dan salah satu daya penarik dalam perkhidmatan kerajaan, sekarang telah cuba dimansuhkan. Elaun kakitangan awam dipo-

hatian wajar. Ini menyebabkan lapangan atau profesi akademik gagal memikat bakat-bakat yang benar-benar unggul dan berpotensi dengan bilangan yang mencukupi. Di samping itu, masyarakat intelektual dan akademik juga merasa tersisih kerana pandangan dan pendapat mereka yang objektif dan berasaskan nilai-nilai keilmuan serta kajian profesional sering diketepikan, malah kadang-kadang dipersendakan atau disambut dengan sikap yang antagonistik. Ini adalah satu contoh kemungkaran politik yang mengandungi unsur-unsur anti-intelektualisme.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,  
Satu hakikat yang patut kita sedari ialah bahawa Kemerdekaan yang kita capai di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman dalam tahun 1957 dan Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan dibawah pimpinan Tun Razak dalam tahun 1971 telah melahirkan satu generasi terpelajar dan profesional di kalangan bangsa Melayu. Walaupun bilangan mereka belum setanding dengan bilangan terpelajar dan profesional dari kalangan kaum-kaum lain di negeri ini, tetapi mereka telah berjaya membangkitkan satu semangat dan keyakinan baru serta meninggikan maruah dan martabat bangsa Melayu. Sewajarnyalah pendapat dan fikiran mereka dirujuk dan diambil kira dari semasa ke semasa. Tetapi malangnya, sebahagian besar mereka.. sama ada yang berusaha di bidang swasta, atau yang berkecimpung di alam akademik atau pun yang berkhidmat dengan kerajaan, sejak akhir-akhir

ini telah mengalami rasa tersisih, rasa kecewa dan jauh hati, kerana pandangan dan fikiran mereka yang objektif dan profesional telah tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dari pucuk pimpinan politik kita yang berkuasa.

Rasa tersisih, rasa kecewa dan jauhhati bukan sahaja terdapat di kalangan keluarga parti, di kalangan kakitangan kerajaan dan di kalangan masyarakat profesional dan cendekiawan, malah lebih-lebih lagi di kalangan masyarakat peniaga dan usahawan bumiputera sendiri. Semua ini berlaku kerana perancangan ekonomi yang tidak teliti dan pengurusannya yang kurang sistematis mengenai projek-projek tertentu dan amalan pilih kasih yang semakin menjadi-jadi di serata negara. Inilah salah satu contoh kemungkaran ekonomi yang wajib kita tentang dengan tegas dan berani.

Jika kemungkaran ini dibiarkan, bukan sahaja pertumbuhan ekonomi akan tetap lembab dan rendah, malah masalah pengangguran akan terus meningkat ke kadar yang lebih menakutkan dan jurang antara yang miskin dan kaya akan menjadi semakin luas.

Dan punca semuanya ini tidaklah dapat dipersalahkan kepada kemelesetan ekonomi dunia semata-mata. Kita memang menyedari bahawa keadaan kemelesetan adalah salah satu punca yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi kita menjadi lembab. Tetapi yang lebih mendukacitakan ialah pucuk pimpinan politik kita semenjak beberapa tahun kebelakangan ini telah menyebabkan keadaan kemelesetan tersebut menjadi lebih buruk kerana amalan-

dibangunkan dengan penuh imaginasi, termasuk parit dan talair, di kawasan-kawasan pertanian terutama untuk menolong pesawah-pesawah yang miskin. Jalan-jalan raya dan kuasa elektrik merentas hutan dan belantara serta memberi cahaya dan tenaga di kawasan-kawasan luar bandar.

Walaupun era atau zaman pembangunan dalam tahun enam puluhan itu berakhir dengan peristiwa 13 Mei, tetapi berkat kesabaran, kebijaksanaan dan kewibawaan Tun Razak, keamanan dan kesetabilan dapat dipulihkan semula dalam jangkamasa waktu yang singkat. Berikutnya dengan itu dengan imaginasi dan keberanian, dengan azam politik yang kukuh dan kepimpinan yang bijaksana Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan dengan niat yang murni dan tujuan yang suci, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat demi kepentingan perpaduan negara.

Kerana dasar ini melibatkan usaha pembinaan dan pembangunan berbagai-bagai sumber, maka dengan daya imaginasi yang tinggi dan kemahiran perancangan yang rasional, kerajaan menghadapi masalah itu dari segala segi. Ribuan juta ringgit telah dibelanjakan untuk membina infrastruktur pendidikan di semua peringkat dan kawasan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada bangsa Melayu. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi itu maka muncullah satu generasi baru Melayu yang telah dapat melepaskan diri mereka dari belenggu kemiskinan dan kejahilan.

amalan kemungkaran ekonomi seperti yang saya bayangkan tadi dan seperti yang hendak saya huraikan lebih lanjut lagi.

Dalam hubungan ini, marilah sama-sama kita meninjau sejarah pembangunan ekonomi di negara kita ini semenjak Kemerdekaan tercapai, terutama sepanjang dekad-dekad enam puluhan dan tujuh puluhan. Kepesatan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara kita dalam tahun-tahun enam puluhan dan tujuh puluhan itu memang tidak dapat dinafikan. Prestasi yang membanggakan itu telah mendapat pengiktirafan sewajarnya oleh seluruh dunia, baik di negara-negara yang sudah maju maupun di kalangan negara-negara yang sedang membangun.

Di rantau Asia dan Pasifik, Malaysia diakui sebagai salah sebuah negara yang paling maju ekonominya. Kerajaan di bawah pimpinan UMNO dengan tokoh-tokoh Perdana Menteri yang berwibawa dan berpandangan jauh iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein, telah merancang dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan dengan memperseimbangkan semangat idealisme yang tinggi dan tuntutan-tuntutan pragmatisme yang wajar.

Ertinya, emosi dan idealisme di zaman Tunku dan Tun Razak tidak sampai merosakkan pertimbangan-pertimbangan yang rasional dalam merancang dan melaksanakan projek-projek ekonomi. Sektor-sektor awam mempercepatkan pertumbuhan melalui berbagai-bagai projek pembangunan. Berbagai-bagai infrastruktur untuk mempercepatkan pertumbuhan itu,

Dan dengan demikian, satu mobiliti sosial dan ekonomi pun dialami oleh masyarakat Melayu yang telah beratus tahun menjadi mangsa dasar pendidikan dan ekonomi pemerintahan kolonial.

Serentak dengan kemunculan generasi baru Melayu yang telah mencapai kemajuan pendidikan dan ekonomi itu, ekonomi negara juga telah mengalami satu proses perubahan struktur yang pesat. Kegiatan ekonomi kita yang dahulunya terbatas kepada sektor komoditi utama, sekarang telah dikembangkan kepada sektor-sektor perkhidmatan dan pembuatan, sesuai dengan tuntutan-tuntutan ekonomi moden. Maka dengan itu, kita telah menyaksikan satu pertumbuhan ekonomi yang sangat menggalakkan. Pertumbuhan purata tahunan ekonomi kita sebanyak 6% dalam tahun-tahun enam puluhan telah meningkat menjadi hampir 8% dalam tahun-tahun tujuh puluhan.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam harga tetap tahun 1970 tumbuh lebih dua kali ganda antara tahun 1970 dan tahun 1980. Kadar pengangguran dapat dikurangkan dari 7.3% dalam tahun 1970 kepada 5.3% dalam tahun 1980. Walaupun kadar pencapaian Dasar Ekonomi Baru dalam tahun-tahun tujuh puluhan itu tidak memenuhi matlamat yang dijangka, namun kemajuan yang diperolehi memperlihatkan kesan-kesan positif yang menggalakkan. Milik saham bumiputera dalam sektor korporat meningkat dari 3.4% dalam tahun 1970 kepada 18.7% dalam tahun 1983. Menurut perangkaan rasmi seperti yang ter-

catit di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, kemiskinan luar bandar telah berkurang sebanyak 12% yang meliputi 86,200 isi rumah.

Tetapi perangkaan mengenai pertumbuhan ekonomi yang menggembirakan dalam tahun-tahun tujuh puluhan itu, telah berubah corak dalam tahun 1985 dan sudah jauh daripada menggembirakan. KDNK kita dalam tahun 1985 menurun sebanyak tolak 3.2% mengikut harga semasa dan tolak 1% mengikut harga tahun 1978. Ini adalah kadar penurunan KDNK kita yang paling buruk sejak negara mencapai kemerdekaan.

Dan kepimpinan politik yang berkuasa ini sering memberi helah kononnya pertumbuhan negatif dan berbagai-bagai masalah ekonomi tersebut adalah kerana kemelesetan ekonomi dunia dan kejatuhan harga komoditi seperti petroleum, getah asli, kelapa sawit dan timah. Hujah dan helah seumpama itu walaupun ada sedikit kebenarannya tetapi adalah mengelirukan dan masih banyak menyembunyikan keadaan sebenar. Berdasarkan kepada sumber-sumber yang sahih dan 'authoritative' seperti Laporan Tahunan Bank Negara dan Laporan Tahunan Ekonomi Kementerian Ke-wangan, ternyata bahawa sebab munasabah penurunan KDNK itu jauh lebih banyak dari-pada sekadar akibat ekonomi dunia dan kejatuhan harga komoditi kita.

Ini dapat dibuktikan bila kita melihat se-waktu negara-negara OECD (seperti Amerika, Kanada, United Kingdom, Germany, France,

Kalau dalam dekad tujuh-puluhan kadar pertumbuhan ekonomi kita adalah termasuk yang tertinggi dan termaju di kalangan negara-negara ASEAN, tetapi semenjak setahun dua yang lalu kita telah jauh jatuh ke bawah dan tertinggal di belakang.

Kalau kita tinjau keadaan negara-negara ASEAN yang dahulunya pernah mencatatkan kadar pertumbuhan negatif, kita dapati bahawa dalam keadaan politik dan sumber-sumber yang sama, iklim ekonomi mereka telahpun pulih pada kadar yang lebih pesat dari kita.

Tanpa menyalahkan orang itu dan orang ini, pucuk pimpinan politik yang berkuasa hari ini, harus dengan berani dan bertanggungjawab mengakui kenyataan yang sebenar, bahawa pertumbuhan ekonomi kita yang lembab di tahun-tahun kebelakangan ini adalah disebabkan bertambah melesetnya pelaburan langsung luar negeri mahupun dalam negeri akibat kelembapan iklim pelaburan, berpunca daripada segala kemungkar-an-kemungkar-an politik dan ekonomi yang sedang berlaku.

Jika iklim pelaburan yang lembab ini tidak dipulihkan, maka selagi itulah pengaliran keluar wang dari negara kita tidak akan dapat dikawal. Tokoh-tokoh perindustrian dalam dan luar negeri tidak akan berani melibatkan modal dan wang mereka untuk mendirikan ataupun memperbesarkan perusahaan mereka di negara kita. Kerana itulah, walaupun galakan-galakan telah ditawarkan untuk menarik para pelabur asing, namun sambutannya jauh dari menyenangkan. Disebaliknya para pelabur tempatan

Holland, Jepun dsb) hanya mencapai kadar pertumbuhan purata tahunan 1.6%, sedangkan Malaysia ketika itu mencatatkan kadar pertumbuhan purata KDNK 7.2% di antara tahun 1979-1983.

Dalam tahun 1984, negara-negara OECD tersebut mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan 4% sedangkan Malaysia berjaya mencatatkan kadar pertumbuhan 7.8%. Keadaan ini telah bertukar apabila dalam tahun 1985, negara-negara OECD mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 3%, sedangkan kita mengalami pertumbuhan negatif sebanyak 1%.

Di rantau Asean pula, Laporan Bank Negara 1986 menunjukkan bahawa Singapura telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 1.9%, Indonesia sebanyak 2% dan Filipina yang berada dalam keadaan yang boleh dianggap mengalami satu revolusi turut merekodkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 1%.

Lebih menarik lagi apabila kita lihat Thailand telah berjaya mencatatkan rekod pertumbuhan ekonomi sebanyak 4%, sedangkan Thailand menghadapi suasana perang yang paling besar di dunia. Thailand diancam oleh gerakan Parti Komunis Thailand di utara negaranya dan parti Komunis Malaya di sebelah selatan negaranya. Thailand juga mengalami kejatuhan harga barang komoditi utamanya - bijih timah, minyak kelapa sawit, getah asli, beras dan gula, tetapi kadar pertumbuhannya jauh lebih tinggi daripada Malaysia.

kita sendiri, lebih berminat dan yakin untuk melabur di luar negeri.

Nyatalah, kesetabilan kerajaan, kejayaan gemilang parti di dalam pilihanraya tahun 1986, sekim galakan pelaburan asing yang menarik dan pembangunan infrastruktur negara, semuanya, kurang berjaya untuk menarik minat para pelabur ke negara kita. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa keraguan para pelabur itu sebenarnya adalah disebabkan tidak adanya keyakinan dan kepercayaan terhadap pucuk pimpinan politik yang menguasai kerajaan pada hari ini.

Kalau kita meneliti rekod pembangunan negara ini dalam tahun-tahun lapan puluhan, akan jelaslah kepada kita tentang kemerosotan yang kita tanggung akibat kemungkaran ekonomi pimpinan politik yang berkuasa sekarang. Dalam jangkamasa 1981-85, kita telah menyaksikan pembaziran yang menjadi-jadi dan perancangan ekonomi yang tidak teliti. Yang dengan sendirinya sekarang telah ternyata gagal membawa pulangan. Bukan sahaja gagal membawa pulangan yang menguntungkan, malah lebih buruk lagi terdapat projek-projek mewah dan megah yang telah menjadi beban yang terpaksa ditanggung oleh negara dan rakyat jelata.

Sayugia diingatkan bahawa apabila pucuk pimpinan UMNO yang berkuasa sekarang menerajui kerajaan, negara kita sedang menghadapi masalah kewangan yang mendesak. Kurangan imbalan pembayaran semasa dan pengaliran keluar modal yang melebihi \$15

bilion dalam tahun-tahun 1979-1985, mengikut anggaran Bank Dunia, telah menyebabkan meningkatnya hutang luar negeri kepada \$51 billion sekarang. Pembayaran balik hutang ini sekarang memerlukan lebih daripada \$7.4 billion setahun, satu jumlah yang melebihi pulangan daripada eksport petroleum.

Perlu dijelaskan bahawa hutang luar negeri kita telah meningkat dengan pesatnya di antara tahun 1981-1985. Dalam masa yang singkat, hutang luar negeri kita telah meningkat berlipat ganda hingga mencapai paras melebihi \$34 billion. Keadaan ini berlaku dengan pelancaran projek-projek raksaksa dan mewah yang umum mengetahui adalah projek-projek yang dilaksanakan melalui perancangan pusat berikutan dengan kehendak dan arahan pucuk pimpinan.

Sebenarnya semua projek tersebut telah dirancang di luar daripada belanjawan melalui komitmen badan-badan tertentu seperti HICOM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Kesemua pinjaman-pinjaman yang dibuat untuk membayai projek-projek raksaksa itu terpaksa dijamin oleh Kerajaan atas kehendak dan arahan pucuk pimpinan.

Pucuk pimpinan turut mengarahkan supaya projek-projek tersebut dipercepatkan perlaksanaannya melalui kaedah 'turnkey'. Lalu berlakulah keadaan di mana projek-projek yang sepatutnya disiapkan di dalam jangkamasa yang lebih panjang berpandukan kemampuan kewangan, telah dilonggokkan untuk disiapkan dalam satu jangka waktu yang begitu singkat.

Bila ini berlaku tanggungan kewangan yang

Kemerosotan nilai ringgit Malaysia dengan sendirinya mencerminkan keadaan kemerosotan ekonomi kita. Akibat kemerosotan nilai ringgit itu, beban hutang luar negeri kita telah meningkat daripada \$42.3 billion pada tahun 1985 menjadi \$51 billion pada tahun 1986.

Kedudukan kewangan negara yang sangat merunsingkan ini bukanlah merupakan satu rahsia lagi. Malah institusi-institusi kewangan dunia telah pun menunjukkan kurang yakin mereka terhadap keupayaan Malaysia untuk membayar balik beban hutang luar negara. Kesanggupan institusi-institusi kewangan dunia untuk meminjamkan wang mereka kepada Malaysia telah jatuh seperti berikut:-

Mac 1981	72.7
Mac 1982	72.8
Mac 1983	70.7
Mac 1984	67.2
Mac 1985	65.7
Mac 1986	63.7
Sep 1986	59.9

Skel = 100 (kepercayaan penuh)  
= 0 (tidak dipercayai)

Sumber: Majalah Institutional Investor.

Apakah kita masih mahu mengamalkan sikap bersilap mata, cuba melindungi hakikat yang nyata, hingga tanpa fahaman yang mendalam ada pihak yang berani mendakwa bahawa kita mempunyai rizab antarabangsa yang meningkat?

Projek-projek raksaksa yang disebutkan tadi bukan sahaja telah memboroskan beribu-ribu juta wang negara tetapi juga telah menimbulkan

dibebankan kepada Kerajaan menjadi bertambah berat, memandangkan bahawa perbelanjaan yang begitu besar terpaksa dikeluarkan dalam jangkamasa yang begitu singkat. Jika banyak yang perlu dibelanjakan, sedangkan wang sendiri tidak ada, maka banyaklah pula pinjaman yang terpaksa dibuat. Oleh yang demikian, kita dapatkan bahawa beban hutang kerajaan telah meningkat, akibatnya berbillion ringgit pula wang negara telah mengalir keluar dalam masa yang singkat.

Tabiat boros dan sikap bermegah-megah pucuk pimpinan politik seakan-akan tidak mengenal batas atau sempadan. Semuanya ini telah menyebabkan kedudukan kewangan negara menjadi amat tenat hingga berlaku keadaan kurangan imbangan akaun semasa dan belanjawan. Berikut dengan itu, buat pertama kalinya dalam sejarah negara ini, hasil kerajaan telah tidak mencukupi untuk membayai perbelanjaan mengurus.

Masalah kewangan yang serius ini telah menyebabkan ringgit Malaysia mengalami spekulasi yang amat kuat. Ringgit kita telah menjunam nilainya berbanding dengan matawang-matawang ringgit Singapura, Amerika, Yen Jepun, Marks Jerman iaitu rakan-rakan utama dagangan kita. Sebagai contoh pada penghujung 1984 M\$1 sama nilainya dengan 100 Yen tetapi sekarang telah menurun dengan ketara kepada M\$1.75 sama dengan 57 Yen. Nilai ringgit kita berbanding dengan ringgit Singapura telah menurun sebanyak 12% semenjak tahun 1984.

satu amalan ekonomi yang tidak sihat. Ini berpunca dari sikap pilihkasih di mana segelintir individu yang terpilih dan berhubungan rapat dengan pucuk pimpinan politik yang berkuasa telah diberi segala bentuk peluang dan keistimewaan. Segelintir individu ini telah memonopoli peluang-peluang perniagaan dan kontrak awam.

Dengan keistimewaan-keistimewaan peluang yang mereka monopoli itu segelintir individu tersebut telah berpaktat untuk membolot berbagai-bagai habuan dan memperkaya diri mereka sendiri. Tentu sahaja keadaan yang tidak adil ini menyebabkan ramai usahawan-usahawan bumiputera mengeluh kerana merasa tersisih dan dianaktirikan oleh pemimpin-pemimpin bangsa sendiri.

Di samping itu keluhan ini bukan sahaja didengar daripada usahawan-usahawan bumiputera malah juga di kalangan bukan bumiputera. Dan lebih dari itu akibat amalan ekonomi yang tidak sihat ini negara-negara barat telah merasa tersisih dan kecewa kerana sebahagian besar daripada kontrek-kontrek raksaksa itu telah diberikan kepada usahawan-usahawan dari negara-negara tertentu sahaja.

Yang lebih mendukacitakan lagi ialah keutamaan yang dinikmati oleh setengah-setengah usahawan-usahawan itu diberi atas asas-asas yang menimbulkan berbagai-bagai kemosyikilan dan rasa syak wasangka. Ini menyebabkan iklim pelaburan negara kita menjadi semakin lembab.

Kita bukan anti pembangunan. Kita bukan-

nya anti perindustrian. Kita juga bukan anti projek raksaksa. Kita juga mahu melihat sebuah negara Malaysia yang maju dan moden, yang berkeupayaan dalam bidang industri, sains dan teknologi, yang boleh bersaing dan setanding dengan negara-negara lain dalam pasaran dunia. Tetapi segala perancangan itu hendaklah diasaskan kepada semangat Dasar Ekonomi Baru; perlulah diukur dari segi nikmat, faedah dan peluang kepada orang-orang Melayu; dan tidak sekadar untuk memenuhi nafsu rakus pucuk pimpinan politik yang berkuasa sekarang.

Apalah erti projek-projek besar dan raksaksa, sekiranya orang-orang Melayu sekadar menjadi penonton melihat dengan putih mata kemewahan dan nikmat projek-projek seumpama itu diangkut keluar oleh orang-orang asing yang diberikan segala keistimewaan dan kemudahan. Dalam keadaan yang mendukacitakan begini, nasib bangsa Melayu tidak ubah seperti kata pepatah "ibarat memagar kelapa condong, pohonnya tumbuh di kebun kita, buahnya jatuh ke kebun orang."

Allahyarham Tun Abdul Razak, pemimpin UMNO sewaktu Dasar Ekonomi Baru dilancarkan amat insaf, tentang latar belakang sosial, pendidikan, budaya dan ekonomi bangsa Melayu. Oleh itu orang-orang Melayu perlu diberi perhatian dan pertolongan sewajarnya untuk membolehkan mereka menebus kembali kedudukan sosio-ekonomi mereka di tanahairnya sendiri.

Justeru itu, dalam apa juga rancangan

untuk pelajaran telah dikurangkan daripada \$1,082 juta (1982) kepada \$988 juta (1983) dan ini telah dikurangkan lagi kepada \$872 juta sahaja (1985).

Nyatalah, projek-projek mewah dan raksaksa tersebut telah menafi dan menjelaskan peruntukan pembangunan luar bandar dan pendidikan yang sangat besar ertinya kepada orang-orang Melayu, yang sebenarnya masih perlu diberikan keutamaan dalam usaha membasmi kemiskinan.

Rintihan rakyat di luar bandar menjadikan semakin jauh dari pendengaran pucuk pimpinan. Ini adalah kerana keghairahan untuk melawat gedung-gedung dan kilang-kilang besar di serata dunia lebih mendapat keutamaan daripada menjenguk petani-petani miskin di luar bandar.

Sebaliknya, sedikit sebanyak bantuan yang dihulurkan kepada rakyat desa, diungkit-ungkit secara terbuka, hingga masyarakat Melayu dituduh sebagai bangsa subsidi, sedangkan subsidi yang lebih besar, terpaksa ditanggung oleh negara, pembayar cukai dan rakyat untuk membiayai projek mewah dan raksaksa; yang sudah pasti tanpa subsidi ini telah lama terpaksa ditutup disebabkan kerugian terkumpul yang berlaku.

Antara implikasi-implikasi hakikat ini ialah usaha-usaha pembasmian kemiskinan di luar bandar telah semakin kurang mendapat perhatian. Sektor pertanian luar bandar telah tidak lagi mendapat perhatian wajar dalam perancangan ekonomi kerana pucuk pimpinan

pembangunan, pemimpin UMNO masa itu senantiasa peka dan mengambil kira kemampuan orang-orang Melayu untuk dapat menyerai dan menikmati hasil sesuatu rancangan pembangunan itu. Malah di mana perlu, kita harus bersedia menangguhkan rancangan-rancangan tertentu, untuk mempastikan orang-orang Melayu tidak akan terus jauh ketinggalan. Malangnya visi Tun Razak telah tidak diindahkan oleh pucuk pimpinan politik yang berkuasa sekarang.

Memang benar bahawa semenjak kemerdekaan tercapai dan lebih-lebih lagi semenjak pelancaran DEB, kedudukan sosio-ekonomi bangsa Melayu telah mencapai kemajuan tetapi kemungkaran-kemungkaran ekonomi sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menyebabkan nasib bangsa Melayu sekarang seakan-akan hampir menyamai nasib Pak Kadok, 'menang sorak kampung tergadai.' Oleh kerana itu sebelum nasi menjadi bubur, sudah tiba masanya kita menghentikan amalan menyusukan kera di rimba, kerana anak di riba sekarang hampir kebuluran.

Pembentangan projek-projek mewah dan raksasa secara langsung atau secara tidak langsung telah mengurangkan peruntukan untuk pembangunan pertanian dan luar bandar serta perkhidmatan pelajaran. Umpamanya peruntukan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar telah dikurangkan dari \$1,550 juta (1982) kepada \$1,187 juta (1983) dan terus dikurangkan lagi kepada \$1,122 juta (1984). Demikian juga halnya dengan peruntukan pembangunan

gagal juga dalam mewujudkan pekerjaan yang setimpal dengan pembiayaannya yang menelan biaya beribu-ribu juta ringgit itu.

Dalam perhubungan ini satu contoh yang nyata dapat dilihat dari kes syarikat kilang besi Perwaja di Terengganu, yang di peringkat awalnya memerlukan pembiayaan sebanyak \$1,064 juta kemudian meningkat kepada \$1,600 berikutnya dengan meningkatnya matawang Yen.

Sekiranya syarikat ini dapat beroperasi sepenuhnya adalah dijangka bahawa sebanyak 1,171 peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan. Ini bermakna bahawa biaya untuk mewujudkan satu peluang pekerjaan di kilang tersebut ialah \$1.37 juta. Tetapi amatlah malang, kerana syarikat besi Perwaja yang menelan belanja \$1,600 juta itu sekarang berada dalam keadaan hidup segan mati tak mahu.

Bukan sahaja projek raksaksa dengan biaya yang sedemikian besar hanya mungkin mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang sangat terbatas bilangannya, tetapi pulangan ekonomi yang diharapkan daripada projek tersebut juga amat mengecewakan. Antara lain ini adalah kerana projek-projek tersebut tidak dirancang dengan teliti, tidak diuruskan dengan cekap dan amanah dan dilaksanakan dalam suasana ekonomi yang tidak sesuai. Kerana itulah projek tersebut dan banyak projek-projek lain seumpamanya mengingatkan kita kepada kata orang tua-tua Melayu yang berbunyi: 'perniagaan bulu kasap - untung tak dapat modal pun lesap.'

politik yang berkuasa telah seakan-akan mabuk dan khayal dengan industri-industri berat yang lebih mengutamakan kemegahan daripada keuntungan; lebih mengutamakan kepentingan rakyat bandar daripada kepentingan rakyat luar bandar. Sehingga kita mendapat kesan seakan-akan perancangan ekonomi itu dilakukan secara songsang, tanpa pertimbangan-pertimbangan yang teliti.

Saudara-saudari sekalian,

Suasana malap ekonomi kita sejak tiga empat tahun yang lalu ini sekarang menjadi semakin muram dengan semakin meningkatnya kadar pengangguran; daripada 5.3% dalam tahun 1980 menjadi 8.7% dalam tahun 1986. Keadaan ini semakin merunsingkan kerana yang terlibat di dalam pengangguran itu sekarang ialah para siswazah; yang bilangan mereka yang menganggur itu telah bertambah menjadi 38,000 dalam tahun 1986 dan dijangka meningkat 53,000 pada pertengahan tahun ini nanti. Dan sebahagian besar daripada siswazah-siswazah menganggur ini adalah anak-anak muda Melayu berasal dari keluarga miskin.

Memang benar bahawa masalah pengangguran ini banyak puncanya. Tetapi antara punca yang utama ialah kegagalan mewujudkan pekerjaan. Dan kegagalan ini semakin ketara, apabila beribu-ribu juta ringgit dilaburkan - atau barangkali lebih tepat jika dikatakan dibazirkan dalam industri-industri berat yang bersifat 'capital intensive'. Industri-industri besar tersebut bukan sahaja telah gagal mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang pesat malah telah

mempastikan bahawa projek-projek industri, sama ada yang diluluskan kepada swasta atau pun yang diusahakan sendiri oleh kerajaan, mestilah memberi keutamaan kepada sifat "labour-intensive". Semoga dengan demikian kemungkaran ekonomi yang dilakukan secara sewenang-wenang oleh pucuk pimpinan politik yang berkuasa sekarang tidak akan berterusan.

Saudara-saudari sebangsa dan seagama yang saya muliakan,

Demikianlah sebahagian kemungkaran-kemungkaran ekonomi yang telah menyebabkan hutang negara bertumpuk-tumpuk dan berbagai-bagai sumber menjadi membazir, serta kemiskinan dan pengangguran semakin menjadi-jadi. Selain itu, pucuk pimpinan politik yang berkuasa sekarang juga telah melakukan berbagai-bagai kemungkaran politik yang telah merosakkan perpaduan dan rasa persaudaraan dalam parti dan mengancam keutuhan kuasa politik bangsa Melayu.

Semangat kekeluargaan dan kemesraan yang semenjak berpuluhan-puluhan tahun menjadi ciri utama parti kita, semenjak akhir-akhir ini telah terjejas. Rasa iri hati dan cemburu serta syak wasangka di kalangan ahli-ahli parti di berbagai-bagai peringkat semakin merebak luas dari sehari ke sehari. Pucuk pimpinan sama ada telah gagal untuk mengatasinya atau sengaja membiarkan keadaan yang tidak sihat itu berterusan.

Peranan sebagai seorang ayah yang sepatutnya sentiasa bersifat adil dan bijaksana tidak lagi dimainkan oleh pucuk pimpinan.

Sepatutnya, dalam keadaan negara diancam oleh masalah pengangguran yang sangat membimbangkan yang wajib diberi keutamaan ialah projek-projek yang bersifat 'labour-intensive', iaitu yang akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih optimum dan yang juga akan memungkinkan pembangunan wilayah yang lebih luas dan merata.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian, masalah pengangguran di negara kita sekarang bukan sahaja merunsingkan, malah juga telah membimbangkan, dan lebih dari itu sudah mulai menakutkan. Di suatu waktu dahulu orang mengeluh tidak dapat pekerjaan kerana tidak mempunyai kelayakan dan pelajaran. Tetapi sekarang sudah semakin ramai orang yang bukan sahaja mengeluh tetapi telah mula meraung dan berteriak kerana tidak dapat pekerjaan walaupun mereka mempunyai kelayakan dan pelajaran. Masalah pengangguran di kalangan siswazah dan golongan terpelajar ini dialami oleh semua kaum di negara kita. Tetapi struktur sosioekonomi kaum-kaum lain di negara kita adalah sedemikian rupa sehingga memungkin mereka bekerja sendiri atau bekerja dengan perusahaan-perusahaan kecil keluarga mereka.

Tetapi di kalangan bangsa Melayu, struktur sosio-ekonomi kita adalah sedemikian rupa di mana peluang amatlah terbatas untuk bekerja sendiri atau bekerja dengan perusahaan kecil keluarga. Kerana itu adalah menjadi tanggungjawab moral kita bersama untuk

Pucuk pimpinan yang ada sekarang seakan-akan menggalakkan kecenderungan-kecenderungan yang tidak sihat di kalangan setengah ahli-ahli parti. Amalan mengadu dombaikan tokoh-tokoh parti sengaja dilakukan sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara halus atau kasar.

Akibat daripada amalan yang tidak sihat itulah maka perpaduan parti seakan-akan mulai retak semenjak akhir-akhir ini. Sepanjang 40 tahun usia UMNO, tidak pernah konflik atau pertentangan antara golongan berlaku sehebat seperti sekarang. Kalau ini bukan dianggap sebagai satu kemungkaran politik, maka ia adalah tanda kegagalan pucuk pimpinan memelihara perpaduan.

Akibatnya daripada kegagalan pucuk pimpinan memelihara perpaduan ini, keretakan-keretakan dalam parti semakin jelas kelihatannya kepada orang-orang luar dan ini secara beransur-ansur telah mengakibatkan orang-orang luar itu mulai memandang ringan kepada UMNO. Imej atau peranan kepimpinan yang dimiliki oleh UMNO selama ini bukan saja telah terjejas malah mulai seakan-akan digugat dan dicabar.

Hingga hakikat sejarah, yang tidak perlu dipertikaikan dari segi taraf bangsa Melayu sebagai pewaris mutlak di tanah airnya sendiri telah dicabar dengan lantang dan berani. Kedaulatan ketuanan Melayu sudah mulai berani digugat. Ketidak tegasan kita dalam menghadapi persoalan pokok seperti ini, malah bersetuju membuat penyelesaian dalam nada kompromi, adalah satu amalan dayus yang merupakan

kemungkaran poli tik terhadap bangsanya dari pucuk pimpinan politik yang lemah dan tidak tegas.

Kedudukan UMNO yang selama ini dihormati sebagai mempunyai kata pemutus dalam masalah-masalah hubungan antara parti-parti komponen dalam Barisan Nasional sudah mulai tidak dihiraukan. Kita mestilah menganggap ini sebagai tanda-tanda bahaya terhadap keutuhan kuasa politik bangsa Melayu. Kalau keadaan ini berterusan, maka ini bermakna satu kemungkaran terhadap amanah dan perjuangan pemimpin-pemimpin yang terdahulu dari-pada kita.

Kerana itulah, saya dengan Datuk Musa dan rakan-rakan kita yang lain mengajak saudara-saudari sekalian membawa perubahan. Sambil itu kita menyeru mereka yang telah terlanjur agar insaf dan kembali ke pangkal jalan. Semoga niat suci dan usaha mulia kita akan mendapat petunjuk dan bimbingan serta rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T.

Kita harus mengembalikan semangat ukhuwah dan persaudaraan sesama kita. Semangat tersebut harus kita luaskan bukan sahaja sesama kita di dalam UMNO malah harus meliputi pihak-pihak lain. Kita harus kembalikan suasana persaudaraan, semangat setia kawan serta saling hormat menghormati di antara kakitangan awam dengan kepimpinan politik. Dengan demikian dapatlah hendaknya kita sama-sama berganding bahu, mengembangkan fikiran dan tenaga untuk kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

man kebangsaan yang berteraskan Islam. Kita tidak semestinya membataskan barisan kita kepada sempadan negeri dan daerah. Tidak kita bataskan jemaah kita kepada orang Timur, orang Selatan, orang utara atau orang Barat. Barisan dan Jemaah perjuangan ini adalah untuk semua ahli UMNO dan seluruh bangsa Melayu yang berani dan bersedia bangkit memperjuangkan kebenaran untuk meningkatkan maruah dan martabat bangsa.

InsyaAllah , perjuangan kita akan diasaskan atas semangat persaudaraan dan kerjasama dengan semua pihak. Perjuangan kita adalah dilandaskan dengan hati terbuka dan kesediaan mengambil yang jernih dan membuang yang keruh. Untuk mencapai hasrat perpaduan bangsa dan ummah akan kita kikis sebarang bentuk penindasan, rasa dendam dan iri hati. Sebarang perbezaan sesama kita insyallah akan kita selesaikan sesuai dengan tuntutan agama Islam dan kehendak adat Melayu. Sesungguhnya sebagai bangsa Melayu kita adalah sedarah dan sebagai umat Islam kita adalah sebahagian daripada satu keluarga besar manusia sejagat yang menjunjung tinggi ajaran Nabi Muhammad S.A.W. Berpedomankan ajaran agama Islam dan petunjuk adat Melayu marilah kita kembalikan keutuhan dan perpaduan parti kita.

Kalau di satu masa bangsa Melayu banyak terhutang budi kepada UMNO, kita juga jangan lupa bahawa UMNO juga turut terhutang kepada bangsa Melayu yang telah pun memberi kepercayaan kepadanya. Sesungguhnya antara UMNO dan bangsa Melayu adalah ibarat aur

Menyedari betapa pentingnya peranan sektor swasta dan institusi kewangan untuk membantu usaha-usaha ke arah pemulihian ekonomi negara, perundingan dengan institusi kewangan dan sektor swasta perlulah ditingkatkan. Sumbangan sektor swasta untuk menyelesaikan masalah-masalah kewangan yang sedang dihadapi oleh para usahawan khususnya bumiputera, adalah faktor penting yang wajib diberikan perhatian dan penumpuan.

Semangat kerjasama dan berbaik-baik ini haruslah menembusi sempadan negara dalam hubungan antarabangsa. Dasar berkecuali dan 'equidistant' Malaysia dalam hubungan antarabangsa hendaklah ditunjukkan dengan amalan berbaik-baik dengan semua pihak dan bukannya bermusuhan dengan semua pihak. Kita harus berpegang kepada tradisi budaya kita 'menghormati untuk dihormati'. Tidak bererti apabila kita mengamalkan sikap berbaik-baik, kita meletakkan diri kita untuk tunduk diperintah orang. Malah sewaktu Allahyarham Tun Razak melaksanakan konsep 'berkecuali' berbaik-baik dengan semua pihak, ketika itu pucuk pimpinan politik kita muncul sebagai pimpinan yang dihormati di peringkat antarabangsa dan Malaysia berjaya menjadi sebuah negara yang menujuarai penubuhan Asean.

Di dalam usaha kita menyusun barisan perjuangan ini, marilah kita menyusunnya dengan semangat sejati UMNO yang berpegang kepada prinsip-prinsip Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Perjuangan ini kita asaskan atas faha-

dengan tebing; yang hidup saling sandar menyandar dan sokong menyokong itu, marilah kita kembalikan perpaduan dan keutuhan parti kita; demi peningkatan martabat dan maruah bangsa.

Di samping itu sesuai dengan tuntutan agama dan kehendak adat, kita harus mengingatkan diri kita bahawa pembangunan kebendaan wajiblah diimbangi dengan pembangunan mental dan rohaniah. Tanpa kekuatan dan keutuhan mental dan rohaniah, kita akan mudah terpedaya dengan tarikan-tarikan kebendaan, dorongan hawa nafsu serta rasa tamak haloba, yang lambat laun akan menjelas dan menghancurkan semangat dan idealisme. Oleh kerana itu demi kemantapan idealisme kita, dan kelanjutan perjuangan untuk kejayaan bangsa dan ugama sekali lagi kita perlu mengingatkan diri kita bahawa pembangunan kebendaan tidak dapat dipisahkan sama sekali dengan pembangunan kerohanian.

Saudara-saudari sebangsa dan seagama yang saya cintai,

Pandangan dan pendapat saya mengenai berbagai-bagai masalah politik dan ekonomi yang dihadapi oleh parti, bangsa dan negara kita ini, janganlah hendaknya dianggap sebagai perbuatan meludah ke langit atau membuka pekung di dada. Sebaliknya, dengan segala rendah hati dan rasa tawakkal sambil memohon petunjuk dan bimbingan daripada Allah S.W.T., saya berharap semoga huraiyan ini dianggap sebagai satu pernyataan cinta dan lafaz kasih kita terhadap parti dan bangsa kita, demi cinta dan kasih kita kepada parti, bangsa dan negara

semua kemungkar-an-kemungkar-an politik dan ekonomi itu mestilah kita tentang. Kita tentang dengan berani. Kita tentang dengan azam dan semangat yang bernyala. Kita tentang dengan penuh tanggungjawab.

Dan untuk melakukan penentangan terhadap kemungkar-an-kemungkar-an itu, kita memerlukan pembaharuan. Semangat dan azam kita hendaklah diperbaharui. Dan untuk itu pucuk kepimpinan parti hendaklah juga diperbaharui. Untuk tujuan-tujuan pembaharuan itu dengan berkat syufaat Rasulullah S.A.W. dan sambil berdoa memohon taufik dan hidayah kepada Allah S.W.T. dengan segala rendah hati dan tawakkal saya menyerahkan diri untuk berkhidmat dan berbakti mencapai tujuan-tujuan mulia itu. Dengan keazaman untuk membawa pembaharuan dan mencapai tujuan-tujuan mulia tersebut saya memohon doa restu, nasihat dan sokongan saudara-saudari sekalian, untuk dipertanggungjawabkan memegang teraju pimpinan parti.

Tindakan saya menawarkan diri untuk berkhidmat sebagai Presiden Parti ini, saya anggap sebagai satu kewajipan dan tanggungjawab untuk membawa pembaharuan, agar iklim ekonomi akan cerah dan subur semula, untuk membawa pembaharuan agar perpaduan bangsa dan ummah bangsa terus meningkat dengan gagah dan mulia.

Sekali lagi saya memohon doa restu dan segala bentuk sokongan daripada saudara-saudari sekalian. Dan lebih penting dari itu, sekali lagi saya memohon rahmat dan taufik

## **"KE ARAH PERPADUAN" SEMANGAT 46**

BISMILLAHIR RAHMANIRRAHIM ALHAMDU-LILLAHI RABIL 'AALAMIN, WASSALAAT WASSALAMU'ALAA ASYRAFIL AMBIYAA-I WAL MURSALIM SAIYIDINA MUHAMMADIN WA 'ALLA AALIHI WA ASSHAABIHII AJMAIN

Kita bersyukur kehadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya kita dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis ini yang kita harapkan dipenuhi dengan semangat Silatulrahim dan persaudaraan mengambil sempena bulan Syawal yang mulia lagi berkat ini. Sesuai dengan semangat bulan Syawal ini, saya dengan segala rendah hati dan perasaan muhibbah mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri" kepada saudara-saudari sekalian, dan berdoa semoga amal ibadat kita, sepanjang bulan Ramadhan yang lalu mendapat berkat dan keredhaan dari Allah s.w.t.

Semoga latihan jasmani dan rohani yang kita lalui sepanjang bulan Ramadhan itu akan

---

*Ucapan YBM Tengku Razaleigh Hamzah di depan para penyokongnya sempena majlis perjumpaan Hari Raya Aidilfitri pada 11hb. Jun, 1988 di Dewan Rampaisari Hotel Merlin, Subang, Subang Jaya, Selangor*

---

dan hidayah daripada Allah S.W.T. semoga saya mendapat berkat dalam usaha perjuangan untuk mengembalikan maruah bangsa dan parti kita ini. Sebagai seorang insan yang lemah dan dhaif, saya bertawakkal dan berserah kepada Allah S.W.T. Sesungguhnya saya percaya perjuangan menentang kemungkaran politik dan ekonomi ini adalah satu ibadat kepada Allah dan khidmat bakti kepada bangsa.

**BERSATU BERSETIA BERKHIDMAT  
HIDUP UMNO  
HIDUP MELAYU**

Wabillahi taufiq, walhidayah, wassala-  
mualaikum warahmatullahi wabarakatuh

meninggalkan kesan positif yang berpanjangan terhadap diri masing-masing. Semoga amal ibadat kita menunaikan rukun Islam yang ketiga itu akan memperkuat iman dan memperkuuh azam kita dalam menghadapi cabaran dan dugaan yang mengancam bangsa kita semenjak akhir-akhir ini. Selanjutnya sesuai dengan semangat Hari Raya Aidilfitri ini, saya dengan segala rendah hati memohon berbanyak-banyak maaf daripada saudara-saudari sekalian atas sebarang kekhilafan tutur kata dan sebarang keterlanjuran langkah dan perbuatan saya selama ini. Saya juga ingin mengajak saudara-saudari sekalian untuk bersama-sama menghulurkan salam persahabatan dengan semangat saling maaf memaafkan kepada seluruh ummat Islam, serta bangsa Melayu, khususnya keluarga UMNO yang selama 42 tahun telah mendokong dan menjunjung martabat dan maruah bangsa kita melalui perjuangan dari setahap kesetahap bermula dari perjuangan menentang Malayan Union disambung dengan perjuangan kemerdekaan, dan berlanjutan dengan usaha-usaha gigih pembangunan yang telah memperbaiki kedudukan sosio ekonomi bangsa kita.

Sebagai satu bangsa yang beradab sopan dan tahu mengenang budi marilah sama-sama kita mendoakan kesejahteraan arwah-arwah para penganjur bangsa, terutama tokoh-tokoh bangsa Melayu, Allahyarham Dato Onn bin Jaafar, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato Hussin, Allahyarham Tun Dr Ismail bin Dato' Abdul Rahman, serta pemimpin-pemimpin ulung yang



**“ Kami bersama Tengku ”**



Tengku Razaleigh bersama Tunku Abdul Rahman turut mengiringi Datok Shahrir Samad dalam pilihanraya kecil Johor Bharu 26 Ogos 1988



Tengku Razaleigh adalah merupakan tokoh yang pandai menyesuaikan diri dengan pemimpin lama dan baru asalkan sahaja pemimpin itu tahu menghormati dan menghargai orang lain.



Bersama Barisan Semangat 46 dalam perjumpaan Hari Raya di sebuah hotel pada tahun 1988

lain yang telah terlebih dahulu kembali ke rahmatullah.

Di samping mendoakan kesejahteraan roh-roh mereka, marilah juga kita berdoa semoga dedikasi dan semangat perjuangan mereka itu akan dapat terus mengilhami kita dalam usaha menghadapi pelbagai cabaran yang semakin hebat melanda bangsa dan negara kita sekarang. Marilah sama-sama kita mengambil contoh dan tauladan daripada sifat-sifat mulia dan terpuji yang telah diperlihatkan oleh arwah-arwah pemimpin ulung tersebut. Sesungguhnya arwah-arwah pemimpin ulung tersebut telah memperlihatkan sikap yang jujur dan ikhlas, tegas dan berani, dan sentiasa mengutamakan kepentingan bangsa dan negara lebih daripada kepentingan diri dan keluarga masing-masing.

Kita mengenang segala jasa bakti, dedikasi, dan perjuangan mereka dengan rasa bangga dan terharu. Dan petang ini perasaan bangga dan terharu kita itu bercampur dengan perasaan syukur dan gembira kerana dua orang pemimpin agung yang sentiasa kita sanjung: Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj serta Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn masih bersama-sama dengan kita. Marilah kita berdoa semoga Allah s.w.t akan melanjutkan usia mereka dan mengurniakan kesehatan serta melimpahkan taufik dan hidayah yang berpanjangan kepada kedua tokoh pemimpin yang amat kita kasih i ini. Sesungguhnya dalam keadaan bangsa dan negara kita menghadapi cabaran yang sangat hebat sekarang, kita sentiasa memerlukan panduan dan inspirasi

cuba disindir-sindir seakan-akan cuba hendak menafikan jasa bakti dan perjuangannya. Oleh kerana itu adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa mengingatkan generasi sekarang dan generasi yang akan datang bahawa kemerdekaan negara yang telah membawa nikmat kepada kita semua dan terutama sekali kepada orang-orang kaya baru dan orang-orang yang pandai baru sekarang adalah hasil dari titik peluh dan pengorbanan Yang Teramat Mulia Tunku. Yang Teramat Mulia Tunku telah memimpin bangsa dan negara kita mencapai kemerdekaan dan kemudian bersama-sama pemimpin seangkatannya, terutama Allahyarham Tun Abdul Razak, telah meningkatkan taraf sosio ekonomi bangsa kita. Orang-orang kaya baru, orang-orang pandai baru dan orang-orang yang berkuasa sekarang hendaklah menyedari hakikat ini dan hendaklah sentiasa tahu berterima kasih dan pandai mengenang jasa.

Kita bangga dan kagum atas sifat-sifat mulia tersebut. Kita terhutang budi atas sumbangan dan jasa bakti mereka terhadap kita, terhadap generasi ummat Melayu, terhadap bangsa dan negara kita seluruhnya. Adalah menjadi kewajipan kita bersama untuk berjanji kepada diri masing-masing bahawa kita tidak akan mempersia-siakan, malah sebaliknya akan memelihara dan menyanjung tinggi segala jasa bakti yang telah mereka sumbangkan terhadap perjuangan mencapai kemerdekaan dan usaha-usaha menyatu-padukan bangsa Melayu serta meningkatkan taraf sosio ekonomi kita.

Saudara-saudari, Sebangsa dan setanahair

ketokohan Yang Teramat Mulia Tunku dan Yang Amat Berbahagia Tun.

Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn sebagai zuriat pemimpin agung Allahyarham Dato Onn bin Jaafar, sesungguhnya seorang tokoh pemimpin yang berwibawa dan berhemah tinggi. Kita kagum dan menyanjung tinggi keikhlasan dan kejujuran beliau sebagai pemimpin yang dikenali dengan keyakinan dan penghormatan beliau terhadap undang-undang. Dan dalam keadaan institusi kehakiman kita sekarang cuba hendak digugat, kita teringat kepada sikap tegas dan penghormatan beliau terhadap keluhuran undang-undang.

Jasa dan bakti Yang Teramat Mulia Tunku terhadap bangsa dan negara kita memang sudah terukir dengan tinta emas dalam sejarah. Pengorbanan tenaga, wang ringgit dan masa yang diberikannya memang tidak dapat dinilai dengan sebarang bentuk mata benda. Bila kita memanggilnya sebagai Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, maka panggilan itu hanyalah sekadar penyataan terima kasih dan pengiktirafan yang simbolik terhadap segala jasa baktinya yang tidak ternilai itu.

Oleh kerana itu kita amatlah kesal dan tersinggung bila ada pihak-pihak yang cuba hendak menyindir pemberian gelaran Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia kepada Yang Teramat Mulia Tunku. Sebagai satu bangsa yang bertamadun dan beradab sopan, kita mestilah tahu berterima kasih dan mengenang budi. Kita tidak rela tokoh agung yang kita sanjung seperti Yang Teramat Mulia Tunku

yang saya kasih.

Sesuai dengan semangat Hari Raya Aidilfitri, kita berhimpun di sini petang ini untuk mengeratkan kembali Silatulrahim dan persaudaraan sesama kita dan disamping itu untuk bersama-sama menyedari bahaya perpecahan yang sedang melanda bangsa kita sekarang, untuk bersama-sama menyedari kecualian kita bersama terhadap masalah-masalah mendesak yang mengancam ketuanan politik bangsa kita di tanahair yang kita cintai ini, dan untuk menyedari kehakisan yang sedang berlaku terhadap segala hasil perjuangan kita selama 42 tahun yang lalu, baik di bidang ugama, politik, sosial, ekonomi dan pendidikan. Banyak perkara pahit dan realiti-realiti menakutkan yang sedang mengancam bangsa kita sekarang yang wajib kita hadapi dengan penuh kesedaran, keberanian dan rasa tanggungjawab.

Marilah kita gunakan kesempatan di hari baik dan di bulan baik ini untuk memeriksa diri kita masing-masing, untuk menilai kembali kejayaan yang telah dicapai dan kegagalan yang telah dialami, untuk menentukan prioriti kegiatan dan perjuangan kita. Kita tidak boleh berpura-pura untuk tidak mengakui keadaan kucar-kacir yang sedang berlaku dikalangan bangsa Melayu di pelbagai bidang, yang berhubungan dengan ketuanan Melayu, di bidang ekonomi lebih-lebih lagi yang berhubungan dengan masalah kemiskinan dan pengangguran di kalangan bangsa kita, dan di bidang pendidikan lebih-lebih lagi yang berhubungan dengan kerendahan prestasi pelajar-pelajar

Melayu di setiap peringkat pendidikan.

Keadaan kucar-kacir yang amat jelas di bidang politik ialah malapetaka yang menimpa parti kita yang bermula dengan sikap yang angkuh, "intolerant" dan penuh dendam kesumat dari mereka yang sedang berkuasa membawalah kepada keputusan mahkamah mengistiharkan parti yang kita cintai ini, dianggap sebagai menyalahi undang-undang, dan lebih menyediakan lagi apabila pihak yang sedang berkuasa tidak membuat sebarang usaha untuk menyelamatkan parti kita daripada dibunuh. Malah sebaliknya mereka sendiri melalui peguam yang mereka upah dengan sengaja telah mengemukakan hujah-hujah yang mahukan keseluruhan parti kita tersebut diistiharkan tidak sah disisi undang-undang. Maka akibat daripada semuanya itu berlakulah satu keadaan yang sangat pelik dan ganjil, satu keadaan yang sangat "ironical" dalam mana mereka yang berkuasa sekarang, menghendaki UMNO dimansuh dan dimusnahkan.

Yang lebih menyediakan lagi, sudahlah tidak ada sebarang usaha untuk memulihkan "legal status" parti kita itu, malah usaha yang dilakukan untuk menggantikan parti itu dalam bentuk lain oleh pihak yang sedang berkuasa ini tidak langsung memperhitungkan kepentingan perpaduan bangsa. Sebaliknya bukan sahaja parti asal kita telah dimusnahkan malah perpaduan sesama bangsa kita telah dengan sengaja diinjak-injakkan pula. Maka akibat semuanya itu ketuanan politik Melayu di negara kita yang tercinta ini yang selama ini

yala dan bergelora di hati sanubari bangsa Melayu. Oleh kerana itulah apa yang disebut UMNO (Baru) tidak akan diterima oleh bangsa Melayu. Dan mereka patutlah sedar bahawa kekucar-kaciran politik Melayu sekarang adalah kerana sikap mereka yang angkuh dan "intolerant" yang cuba hendak menafikan sejarah dan semangat perpaduan bangsa Melayu yang tumbuh dan berkembang melalui wadah UMNO 46. Mereka patutlah sedar bahawa selagi UMNO 46 tidak dipulihkan selagi itulah politik Melayu akan tetap berada dalam keadaan kucar-kacir.

Manakala kekucar-kaciran di bidang ekonomi pula dapat kita perhatikan dengan semakin merebaknya pengangguran di kalangan bangsa Melayu termasuk di kalangan mereka yang berkelulusan tinggi. Di samping itu pengagihan pendapatan bukan sahaja memperlihatkan kemiskinan yang masih berleluasa di kalangan bangsa Melayu malah juga memperlihatkan jurang perbezaan yang semakin luas baik sesama bangsa Melayu mahupun antara bangsa Melayu dengan yang bukan Melayu.

Kita memang mengakui bahawa Dasar Ekonomi Baru yang diilhami dan dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak di awal tahun-tahun tujuh puluhan dahulu telah berjaya memperbaiki kedudukan sosioekonomi bangsa Melayu secara relatif tetapi sejak awal tahun lapan puluhan, ternyata telah gagal mencapai matlamat yang ditetapkan. Ini berlaku kerana kesalahan dan kesumbangan alokasi sumber dalam pembangunan yang lebih mementingkan projek-projek mewah dan megah serta industri

diasaskan atas semangat perpaduan bangsa Melayu di bawah naungan wadah UMNO terjejas dan tergugat.

Hakikat ini memang telah diakui oleh semua pihak termasuk oleh mereka yang cuba hendak membentuk apa yang di sebut sebagai UMNO (Baru) sekarang. Mereka mendabik dada dan mendakwa kononnya UMNO (Baru) ialah untuk mengwujudkan perpaduan bangsa Melayu yang telah mereka hancurkan melalui peguam yang mereka upah. Tetapi bila ternyata bahawa percubaan memulihkan perpaduan melalui UMNO (Baru) itu mendapat sambutan dingin maka mereka menuduh kita sebagai penghalang dan pengacau. Memang amat mudah membuat tuduhan sambil menutup kesalahan dan dosa mereka terhadap parti UMNO dan bangsa Melayu. Tetapi mereka tidak mahu menerima hakikat bahawa bangsa Melayu tidak mahu menerima UMNO (Baru) kerana apa yang disebut sebagai UMNO (Baru) menafikan semangat UMNO 46 dan memandang ringan pengorbanan dan perjuangan para penganjur bangsa yang telah banyak berjasa. Selain itu semangat perpaduan dan amalan bermesyuarah serta sikap toleransi dan prinsip-prinsip demokrasi tidak mendapat perhatian yang wajar oleh penaja UMNO (Baru) itu. Oleh kerana itu mereka janganlah menyalahkan kita atau menuduh orang lain sebagai punca kegagalan mereka. Bagaimanakah kita hendak menggagalkan usaha mereka sedangkan kita tidak mempunyai kuasa dan kedudukan. Mereka patutlah sedar bahawa semangat UMNO 46 masih bern-

raksaksa. Satu keadaan yang amat menjolok mata ialah kemunculan segelintir golongan yang tidak putus-putusnya membolot kekayaan dengan rakus. Sedangkan pembangunan pertanian dan luar bandar tidak mendapat perhatian dan alokasi sumber yang wajar.

Justru itu peluang pekerjaan yang boleh meningkatkan pendapatan tidak banyak diwujudkan manakala peningkatan produktiviti pekebun-pekebun kecil ternyata lembab. Keadaan yang tidak menyenangkan ini sudah tentu dapat dielakkan sekiranya keutamaan ditumpukan kepada perkembangan industri berdasarkan sumber-sumber asli dalam negeri. Dengan demikian, bukan sahaja peluang pekerjaan dapat diperbanyakkan malah sumber ekonomi dari tanah-tanah yang terbiar di kampung-kampung dapat dimanfaatkan secara yang lebih optima.

Tetapi sayang perancangan ekonomi yang sepatutnya membawa manfaat kepada rakyat di luar bandar seperti yang kita gariskan ini ternyata tidak mendapat perhatian yang wajar dari mereka yang berkuasa sekarang. Ini amatlah menyedihkan dan lebih menyedihkan lagi kerana setakat ini kita tidak melihat adanya usaha-usaha yang berkesan dan sistematik oleh pihak yang sedang berkuasa hari ini untuk menghadapi situasi selepas tamatnya tempoh Dasar Ekonomi Baru ini nanti. Sebaliknya sumber-sumber yang ada lebih banyak dibazirkan kepada kegiatan-kegiatan para menteri yang berarak dari setempat ke setempat sambil

menyanyi di hadapan khalayak ramai untuk melekakan rakyat dari realiti sosial dan kesengsaraan ekonomi yang sedang mereka deritai.

Di samping berarak-arak dan menyanyi di tengah padang, mereka juga cuba hendak melukakan rakyat dengan cerita-cerita kepulihan ekonomi kerana meningkatnya kadar pertumbuhan lebih tinggi daripada yang dianggarkan. Memang benar bahawa ekonomi kita telah tumbuh dengan kadar 4.7% dalam tahun 1987. Tetapi mestilah disedari bahawa hampir semua pertumbuhan dalam tahun 1987 itu berpunca daripada permintaan luar negeri yang sama sekali tidak ada kena mengena dengan perancangan yang kononnya dijalankan dengan rapi oleh pihak yang berkuasa sekarang. Pada hakikatnya permintaan dalam negeri masih lembab. Ini jelas dapat dilihat pada kerendahan tahap pelaburan swasta, tempatan dan asing. Laporan-laporan yang dikeluarkan oleh pihak Perbendaharan dan Bank Negara menunjukkan trend pelaburan swasta yang menurun dari setahun ke setahun semenjak tahun 1980 hingga sekarang. Salah satu akibat utama daripada kelembapan pelaburan swasta ini ialah peningkatan kadar pengangguran yang sekarang sudah menghampiri 11%. Kalau keadaan begini pada masa yang lalu dapat diatasi dengan peningkatan permintaan kerajaan, sekarang ini tidak dapat dilakukan lagi kerana beban hutang kerajaan yang semakin bertumpuk-tumpuk akibat pembiayaan projek-projek mewah dan raksaksa yang dilancarkan oleh pucuk

pimpinan yang berkuasa sekarang.

Kalaularah permintaan dalam negeri tidak selembab yang sekarang sudah tentu ekonomi dapat tumbuh dengan kadar yang jauh lebih tinggi setanding dengan pertumbuhan yang dinikmati oleh negara-negara tetangga kita. Oleh kerana itu dapatlah disimpulkan bahawa sebab utama kelembapan pelaburan swasta dalam negeri dan asing ialah krisis kepercayaan terhadap kepimpinan politik negara sekarang.

Kita ingin menegaskan dan berseru supaya segala sumber yang ada hendaklah digembeling untuk secara sungguh-sungguh memikir dan merancang kelanjutan Dasar Ekonomi Baru bila tamat tempohya nanti, iaitu dengan memberi perhatian yang lebih merata dan saksama sesuai dengan semangat dan falsafah membasmi kemiskinan seperti yang dirintis oleh Al-lahyarham Tun Abdul Razak dahulu.

Oleh kerana kita telah ketinggalan di belakang matlamat yang dituju maka kita perlu melipatgandakan tenaga dan usaha bukan sahaja untuk menebus keciciran dalam mencapai matlamat yang dituju malah untuk memperoleh pencapaian yang lebih besar.

Ini memerlukan perancangan yang imaginatif dan pengembelingan segala sumber yang ada termasuk sumber kepakaran, sumber kepimpinan dan sumber keintelektualan Melayu tanpa mengira parti dan 'faction'.

Demikianlah secara umum gambaran keadaan politik dan ekonomi kita yang begitu kucar-kacir tetapi keadaan kucar-kacir yang merugikan bangsa Melayu ini bukanlah ter-

yang lengkap dan seimbang melalui media massa yang "established" semakin tersekat. Maka sebagai akibatnya "budaya kabar angin dan surat layang" semakin merebak luas. Dengan demikian kita semua mengalami kesukaran untuk memperoleh berita dan keterangan yang jelas mengenai sesuatu perkara. Kerana itu adakalanya kita terpaksa bergantung kepada akhbar-akhbar dan penerbitan dari negara asing untuk mengetahui hal ehwal di dalam negara kita sendiri.

Suasana muram dan ancaman kepada kebebasan ini semakin diperkuat dengan Akta-Akta Pindaan yang terang-terang bertentangan dengan prinsip dan semangat demokrasi yang diperjuangkan oleh UMNO selama ini. Oleh kerana itu sesuai dengan suasana bulan Shawal yang penuh dengan semangat muhibbah dan persaudaraan ini, marilah sama-sama kita memperkuatkan azam untuk memulihkan suasana kebebasan, kemesraan dan keterbukaan. Dan marilah sama-sama kita menegaskan bahawa kita menjunjung sistem demokrasi berparlimen, memuliakan keluhuran undang-undang dan mendaulatkan institusi Raja Berperlembagaan yang semuanya ini menjadi asas dan pedoman perjuangan parti kita sejak 42 tahun yang lalu.

Saudara-saudari,

Seagama dan sebangsa yang dikasihi.

Sebagai tanda terimakasih dan penghargaan terhadap para pejuang bangsa yang telah mendahului kita dan sebagai tanda kasih serta tanggungjawab terhadap generasi yang akan

datang, marilah sama-sama kita menyedari dan menginsafi cabaran dan ancaman perpecahan yang semakin menggerunkan yang dihadapi oleh bangsa kita sekarang. Marilah kita menyeru diri masing-masing serta diri seluruh keluarga UMNO agar menginsafi kesilapan kita bersama dan memberhentikan perbuatan saling tuduh menuduh yang merugikan. Marilah bersama-sama kita menggembelingkan segala sumber yang ada pada kita untuk menyatupadukan kembali seluruh bangsa Melayu, untuk menjunjung cita-cita suci perjuangan parti kita yang telah dirintis dan dipupuk oleh para pengajur kita sejak tahun 1946 dahulu.

UMNO yang dilahirkan dalam tahun 1946 adalah manifestasi semangat bangsa Melayu yang menyedari pentingnya nilai-nilai perpaduan demi mempertahankan martabat dan maruah bangsa. Dengan semangat yang bergebara dan dengan menjunjung nilai-nilai perpaduan itulah parti kita menentang dan menghancurkan gagasan Malayan Union. Itulah parti UMNO yang telah diasaskan atas semangat mesyuarah dan terbuka kepada seluruh bangsa Melayu yang sentiasa memberi sokongan dan dokongan.

UMNO yang didalamnya terkandung suasana kemesraan dan persaudaraan, semangat perundingan dan musyawarah, UMNO yang menjunjung kesucian agama Islam, mendaulatkan institusi Raja Berperlembagaan, menyuburkan amalan demokrasi berparlimen dan memuliakan keluhuran undang-undang. UMNO yang telah berjaya memperjuangkan

Saya bertambah yakin bahawa hasrat dan usaha kita adalah satu hasrat dan usaha yang sedang dituntut oleh bangsa kita ketika ini. Ini jelas tergambar melalui suasana yang sama-sama kita saksikan pada petang ini. Dengan semangat, sokongan dan tenaga saudara-saudari sekalian, sama-sama lah kita berdoa semoga Allah s.w.t menganugerahkan kita kekuatan dan keazaman untuk berikhtiar menyelenggarakan satu kongres bangsa Melayu untuk menggelorakan semangat perpaduan yang lebih menyeluruh yang selanjutnya akan menjamin kelanjutan "survival" bangsa Melayu yang bermaruah dan berdaulat.

Untuk mempastikan kelancaran Kongres ini, kita berseru kepada semua pihak yang benar-benar kasih dan cintakan bangsanya, supaya tampil kehadapan untuk sama-sama menyokong dan menjayakannya. Kita harus sanggup dan bersedia untuk mengenepikan apa juga perbedaan-perbedaan yang terdapat sesama kita. Kita juga mesti membenamkan segala rasa cemburu dan iri hati sesama kita. Oleh itu kita berseru kepada setiap makhluk yang bernama Melayu tanpa mengira fahaman dan pegangan politik, tanpa mengira asal daerah dan negeri, tanpa mengira darjah dan kedudukan agar bersatu demi mengembalikan martabat dan maruah serta ketuanan bangsa Melayu keatas tanahair yang kita cintai ini.

Melalui saudara-saudari sekalian, sampai-kanlah kepada seluruh ummat bangsa Melayu tentang hasrat dan aspirasi serta tujuan dan cita-cita mulia lagi murni kita ini untuk beru-

kemerdekaan adalah parti untuk seluruh bangsa Melayu di setiap peringkat dan lapisan penghidupan dari seluruh pelosok negara. Semuanya ini dapat dicapai melalui sifat dan fikiran yang terbuka yang menjadi pegangan para pemimpin dan pendokong UMNO ketika itu.

Berasaskan semangat tersebut, UMNO sentiasa berpegang kepada konsep kesederhanaan dalam segala tindakan dan perbuatan. Berpegangkan budaya tersebut, kita menentang sebarang bentuk pemerintahan yang bercorak "authoritarian." Oleh kerana itulah kita menentang keras dan mengutuk segala kegiatan yang bercorak subversif dan anti nasional, kegiatan-kegiatan pelampau dan fanatik serta penyebaran ideologi komunis. Oleh kerana itulah perjuangan yang kita dokong melalui UMNO selama ini berpegang teguh kepada kedamaian dan keharmonian, perpaduan dan penyatuan, kebebasan dan toleransi.

Oleh itu adalah menjadi satu tanggungjawab kita yang telah menghayati dan sebat dengan wadah perjuangan UMNO untuk berusaha menghidupkannya semula. Kita akan berusaha dan terus berusaha. Kita akan meneruskan usaha-usaha tersebut menerusi proses perundangan, jika usaha ini gagal kita akan membentangkan hasrat kita ini melalui saluran demokrasi di parlimen dan jika usaha ini gagal kita akan menyerahkan kepada rakyat jelata untuk membuat penentuan dan pilihan. In-syaAllah berkat dari kesucian niat, kegigihan semangat dan ketekunan usaha, kita akan dikurniakan kejayaan.

saha memulihkan kembali semangat perpaduan dan penyatuan bangsa ini demi mengembalikan maruah dan martabat ketuanan Melayu di negara ini.

Kepada Dato Seri Dr. Mahathir Muhamad, kepada Encik Abdul Ghafar Baba, kepada Dato Musa Hitam, kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan kepada pemimpin-pemimpin yang cintakan perpaduan, kesejahteraan dan kedaulatan bangsa Melayu, dengan ikhlas kita berseru, marilah kita kembali ke pangkal jalan.

## **MENGAPA TENGKU RAZALEIGH MENOLAK JAWATAN MENTERI**

Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana kesudian Yang Amat Berhormat menawarkan jawatan Menteri Tanpa Potfolio kepada saya seperti yang terkandung dalam surat Yang Amat Berhormat bertarikh 3hb November 1988. Saya memohon maaf kerana lambat menjawab surat Yang Amat Berhormat. Oleh kerana perkara ini saya anggap sebagai perkara "serious", lebih-lebih lagi kerana Yang Amat Berhormat menghubungkannya dengan maksud untuk mewujudkan perpaduan bangsa Melayu, maka saya sengaja menunggu sebelum memberikan sebarang reaksi sehingga mendapat tawaran tersebut secara bertulis daripada Yang Amat Berhormat

2. Saya bersyukur dan bergembira kerana akhirnya Yang Amat Berhormat telah sedar dan turut sama merasa bimbang mengenai perpecahan yang berlaku di kalangan bangsa Melayu sekarang, dan berikutan dengan itu akhirnya Yang Amat Berhormat juga telah turut

---

*Surat penolakan jawatan Menteri Tak Berportfolio dalam Kabinet Dr. Mahathir Mohamed yang dihantar oleh YBM Tengku Razaleigh Hamzah bertarikh 20hb November 1988*



**Sentiasa tersenyum walaupun dikritik  
hebat oleh pihak lawan**

sama menyedari tentang betapa perlunya perpaduan di pulihkan kembali.

3. Bagi mengelakkan berlakunya perpecahan di kalangan kita, maka sebaik sahaja keputusan pemilihan jawatan Presiden UMNO diumumkan secara rasmi pada pagi 25hb April 1987, saya dengan serta merta naik ke pentas untuk bersalam dan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat. Saya berbuat demikian dengan harapan supaya setelah pertandingan selesai dan proses demokrasi terlaksana, maka tugas kita selanjutnya ialah untuk memperkuuh kembali perpaduan parti.

4. Saya menerima pencalonan untuk jawatan Presiden parti dalam pemilihan bulan April 1987 itu dengan keyakinan bahawa sistem politik kita sudah cukup matang untuk mengamalkan demokrasi secara sihat. Sesuai dengan itu, maka rakyat jelata wajarlah diberi hak dan peluang untuk memilih alternatif lain terhadap kepimpinan yang sudah tidak mereka yakini lagi. Saya dan rakan-rakan mendapati bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat telah menghadapi satu krisis keyakinan dan ini telah saya hurai-kan dengan panjang lebar dalam ucapan dasar saya sebagai calon Presiden parti di Hotel Regent pada 19hb April 1987 yang lalu. Saya dan rakan-rakan yakin bahawa pandangan dan huraian yang dikemukkan dalam ucapan tersebut adalah merupakan hasrat dan suara hati sebahagian besar rakyat jelata terutama keluarga UMNO. Berasaskan itulah kami menawarkan diri bertanding untuk memberikan



**Kelihatan YBM Tengku Razaleigh sedang bersalaman dengan pengikut-pengikutnya di Johor**



Sedang menerangkan sesuatu kepada para penyokongnya, sambil diperhatikan oleh  
Hajjah Marina Yusof

kepimpinan alternatif. Bila saya mendapat hampir 50% undi dalam pertandingan tersebut, terbuktilah bahawa bilangan ahli-ahli UMNO yang ingin mengubah kepimpinan memang cukup besar. Tetapi walaupun Yang Amat Berhormat hanya mendapat kelebihan sebanyak 43 undi, mengikut peraturan dan amalan biasa, Yang Amat Berhormat kekal sebagai Presiden parti. Namun demikian isu-isu yang dibangkitkan dalam proses pemilihan itu dengan dada yang lapang dan fikiran terbuka dan bersedia mengambil isyarat bahawa sikap, corak dan gaya serta arah dan matlamat kepimpinan Yang Amat Berhormat perlulah dirubah dan diperbaiki. Itulah antara semangat dan falsafah demokrasi yang mestи diberi perhatian.

5. Ertinya, pertandingan merebut berbagai-bagai jawatan dalam parti, termasuk jawatan Presiden, mestilah dianggap sebagai satu proses demokrasi yang sihat; dan bila proses tersebut sudah selesai, kita masing-masing mestilah peka terhadap suara-suara yang menuntut perubahan dan sifat yang "magnanimous" serta sikap yang matang dalam amalan demokrasi itu dengan mengelakkan tindakan-tindakan membala dendam yang akan mengakibatkan persengketaan dan perpecahan yang berlarutan. Tetapi sayang, Yang Amat Berhormat telah gagal menunjukkan sikap yang "democratic" dan "magnanimous" itu.

6. Sebaliknya Yang Amat Berhormat telah melakukan tindakan yang mendendam dan tidak



Beliau disambut meriah oleh penduduk kampung Jabi di Besut dalam sambutan Maulud Nabi

adil sehingga ramai daripada ahli dan penyokong UMNO yang tidak bersetuju dengan Yang Amat Berhormat telah menjadi mangsa "politik cantas" dan "politik opresif". Ini telah memberi kesan menular kepada para penyokong Yang Amat Berhormat di peringkat yang lebih rendah sehingga tindakan membala dendam dan perbuatan yang tidak adil itu telah menjadi semakin meluas dan berlarut-larutan.

7. Secara ringkas, itulah latar belakang perpecahan di kalangan bangsa Melayu yang perlu difahami. Dan kalaulah Yang Amat Berhormat benar-benar ikhlas hendak mengatasi atau menyelesaikan masalah perpecahan tersebut, hakikat ini haruslah diterima dan difahami terlebih dahulu.

8. Kerana jawatan Menteri Tanpa Potfolio itu ditawarkan kepada saya dalam konteks usaha memulihkan kembali perpaduan di kalangan bangsa Melayu, maka saya ingin memberi "response" terhadap tawaran itu dalam konteks yang sama. Berpunca daripada kegagalan Yang Amat Berhormat bersikap toleransi, demokratik dan "magnanimous" seperti yang dinyatakan di atas, masalah perpecahan di kalangan bangsa Melayu sekarang melibatkan banyak isu dan telah menimbulkan suasana yang penuh dengan kekeliruan dan salah faham. Oleh kerana itu kita tidak boleh mengharapkan penyelesaian serta merta atau secara otomatis tanpa mengambil kira berbagai-bagai isu yang terlibat.

9. Suasana yang penuh dengan kekeliruan

dan salah faham itu mestilah terlebih dahulu diperbaiki agar masyarakat seluruhnya bebas daripada tanggapan negatif dan buruk sangka. Hal ini adalah penting kerana sebab-sebab berikut.

10. Yang Amat Berhormat mengumumkan tawaran jawatan Menteri Tanpa Potfolio tersebut kepada Y.B. Dato' Musa Hitam dan saya di akhir Perhimpunan Agung UMNO (Baru) di PWTC pada hari Ahad, 30hb November yang lalu. Sebelum itu, selama tiga hari berturut-turut, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Y.B. Dato' Musa Hitam dan saya serta rakan-rakan yang lain telah menjadi sasaran kecaman, fitnah, dan maki hamun yang tidak mengenal batas. Kami telah lumus dihujani oleh tohmah dan kata-kata nista yang kesat. Malah setengah-setengah perwakilan yang bercakap mengenai kami, disamping menghina dan memfitnah, juga telah memperlihatkan kecenderungan yang ganas dan zalim, melampaui batas-batas adab sopan bangsa Melayu dan tatasusila kemanusiaan. Yang lebih menyedihkan, terdapat dikalangan yang mencerca kami itu mereka yang pernah di suatu masa dahulu menghina UMNO, baik secara lisan maupun dengan perbuatan, malah ada yang pernah memijak-mijak bendera UMNO. Semua peristiwa ini sungguh pahit dan menguris jiwa dan hati kami.

11. Semua itu berlaku berikutan dengan 'cue' atau 'lampu hijau' untuk membuat kecaman tanpa batas yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapan pembukaan sebagai Presiden UMNO (Baru) pada 28hb Oktober 1988.

sebagai Menteri pada 29hb. April, 1987, atas prinsip perjuangan. Ertinya, bagi saya dan rakan-rakan yang berkenaan, kedudukan atau jawatan sebagai Menteri bukanlah soal utama. Di samping itu, patutlah juga disedari bahawa kemasukan dua orang pemimpin ke dalam kabinet tidak mungkin dapat mententeramkan keresahan dan kegelisahan rakyat yang merasa teraniaya dan dipermain-mainkan. Yang lebih penting diberikan perhatian ialah sebab musabab keresahan dan kegelisahan mereka itu yang berpunca dari kegagalan pemimpin yang berkuasa memberikan pimpinan yang berkesan dan dihormati.

14. Oleh kerana itu, pada hemat saya, perkara yang patut diberikan perhatian utama pada masa sekarang ialah menghentikan suasana persengketaan melalui media massa serta kegiatan-kegiatan lain dan serentak dengan itu memberi peluang yang adil kepada segenap lapisan masyarakat Melayu untuk mengetahui dan memahami keadaan yang sebenarnya dari kedua belah pihak agar gambaran dan tanggapan negatif yang ditonjolkan oleh media massa mengenai kami dapat dibetulkan.

15. Dalam menawarkan jawatan Menteri Tanpa Potfolio itu, Yang Amat Berhormat mengandaikan kononnya kemasukan Dato' Musa dan saya ke dalam kabinet akan mewujudkan perpaduan dan menyelesaikan masalah perpecahan yang dihadapi oleh Bangsa Melayu sekarang. Andaian ini perlu diteliti

Jadi, apabila diakhir persidangan itu Yang Amat Berhormat, selaku Perdana Menteri, menawarkan jawatan Menteri Tanpa Potfolio itu kepada Y.B. Dato' Musa Hitam dan saya, tentu lah ramai orang yang hairan dan tertanya-tanya tentang niat tawaran itu dibuat.

12. Suasana permusuhan yang diwujudkan serta kata-kata zalim dan ganas yang diketengahkan dalam Persidangan UMNO (Baru) itu telah semakin memualukan bila ditambah dengan lapuran media massa yang berat sebelah dan penuh dengan 'inuendo' dan sindiran-sindiran yang terlalu memburuk-burukkan orang-orang tua dan beberapa tokoh veteran UMNO yang telah begitu banyak berjasa kepada bangsa dan negara. Sudah tentu sahaja semuanya ini semakin memperburuk suasana dan semakin mengancam perpaduan yang diharap-harapkan itu. Dalam keadaan gambaran dan tanggapan yang ditonjolkan oleh media massa yang begitu negatif dan penuh permusuhan terhadap kami, sudah tentu sahaja matlamat kemasukan saya ke dalam kabinet seperti yang ditawarkan itu sukar untuk dicapai. Di samping itu, bagaimanakah Yang Amat Berhormat hendak menjelaskan 'kelayakan' atau 'kesesuaian' kami untuk menjadi Menteri dalam kabinet Yang Amat Berhormat setelah kami difitnah dan di tohmah tanpa batas dalam Persidangan UMNO (Baru) itu?

13. Saya percaya Yang Amat Berhormat masih ingat bahawa saya telah meletakkan jawatan

dengan sungguh-sungguh dan dipersoalkan secara mendalam. Selain daripada amat diragukan kebenarannya, ia juga boleh menimbulkan berbagai-bagai salah anggapan dan salah tafsiran. Antara lain, tawaran tersebut dengan mudah akan disalahtafsirkan sebagai satu sogokan atau korupsi politik dan amatlah tidak manis dari segi sopan santun dan adat resam bangsa Melayu.

16. Jika apa yang dilahirkan dengan perkataan tidak bercanggah dengan apa yang diyakini di dalam hati Yang Amat Berhormat, maka saya ingin mengesyurkan supaya dalam usaha memulihkan perpaduan bangsa Melayu ini, Yang Amat Berhormat menetapkan atau menyusun "priority" secara teratur. Untuk masa ini, proses yang lebih penting didahulukan dan diberi keutamaan ialah menginsafi kesan-kesan buruk daripada ""politik cantas" dan "politik opresif" yang sedang diamalkan oleh Yang Amat Berhormat dan orang-orang di bawah kekuasaan Yang Amat Berhormat, yang antara lain melibatkan pemecatan hakim, penghulu,(penggawa), dan lain-lain, serta yang melibatkan arahan-arahan pertukaran yang dikenakan kepada kakitangan awam kerajaan, penarikan biasiswa, diskriminasi bantuan yang dikenakan kepada para petani, serta pengganiayaan ekonomi terhadap usahawan-usahawan Melayu yang baharu hendak bertunas. Lebih membimbangkan adalah perbuatan yang mengheret agensi-agensi keselamatan dan institusi perundangan terlibat dalam kancah

dan permainan politik hingga telah menimbulkan keraguan umum terhadap peranan, objektif dan profesional agensi-agenesi tersebut.

17. Yang lebih melukakan perasaan dan menyayat hati orang-orang Melayu, khususnya ahli-ahli UMNO, ialah cara Yang Amat Berhormat bertindak dalam menghadapi kes UMNO di mahkamah. Yang Amat Berhormat telah tergamak hati melalui peguam yang mewakili UMNO meminta supaya Mahkamah Tinggi mengistiharkan seluruh parti UMNO tidak sah. Apabila dikemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu ke Mahkamah Agung, sekali lagi peguam UMNO telah bukan sahaja meminta supaya UMNO kekal diistiharkan tidak sah, malah beliau turut meminta Mahkamah Agung mengenepikan keputusan bertulis Yang Arif Hakim Dato' Harun Hashim yang telah memutuskan bahawa kepimpinan UMNO hendaklah diserahkan kembali kepada Majlis Tertinggi yang dipilih dalam tahun 1984. Yang Amat Berhormat menuduh kononnya sayalah yang menjadi dalang hingga mengakibatkan UMNO diistiharkan tidak sah. Inilah satu penyelewengan fakta yang menyebabkan perpecahan semakin meruncing. Semua ini membawa kesan-kesan buruk yang wajib diinsafi dan dibetulkan.

18. Menginsafi kesan-kesan buruk daripada semuanya itu, Yang Amat Berhormat patutlah mengambil langkah-langkah yang wajar dan

## **USAHA HIDUPKAN UMNO `46 DI DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang DiPertua,**

Dengan segala hormat dan rasa tanggungjawab sukacita saya mencadangkan satu usul atas nama saya yang berbunyi: "Iaitu Dewan ini membenarkan ahli dari Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, mengemukakan Rang Undang-undang Persendirian bertajuk Suatu Akta bagi meminda Akta Pertubuhan 1966."

Seksyen 12 (3) akta Pertubuhan, 1966 ("Akta Ibu") dalam bentuknya sekarang, adalah hasil dari suatu pindaan yang dikemukakan melalui Akta Pertubuhan (Pindaan), 1988 yang bertujuan menghindarkan kesan yang dibawa oleh pertukaran-pertukaran yang terdahulu dari padanya, yakni yang menganggap sebagai tidak sah, bukan sahaja sesuatu cawangan yang ditubuhkan oleh sesuatu pertubuhan berdaftar di bawah subseksyen (1) seksyen 12 Akta Ibu .

---

*Ucapan YBM Tengku Razaleigh Hamzah  
semasa membentangkan rang undang-undang  
persendirian bertajuk "SUATU AKTA BAGI  
MEMINDA AKTA PERTUBUHAN 1986" di  
Dewan Rakyat pada hari Isnin,  
5hb. Disember 1988*

berani untuk membetulkannya dalam usaha memulihkan perpaduan di kalangan bangsa Melayu sekarang. Serentak dengan itu, yang tidak kurang pentingnya, ialah usaha-usaha ke arah pemulihan kembali secara "intact" Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO yang ditubuhkan pada 11hb. Mei, 1946 itu. Langkah ini lebih merupakan ikhtiar yang nyata dan kongkrit ke arah perpaduan bangsa Melayu oleh kerana sekaligus ia akan mengembalikan maruah, hak-hak dan kedudukan setiap ahli di bawah perlombagaan parti UMNO yang asal.

19. Sekali lagi saya suka menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesudian Yang Amat Berhormat menawarkan jawatan Menteri Tanpa Potfolio kepada saya. Tetapi sebagaimana pandangan-pandangan yang dapat saya bentangkan dengan serba ringkas dalam surat ini, dukacita saya tidak dapat bersama dalam kabinet Yang Amat Berhormat.

20. Akhirnya, marilah sama-sama kita berdoa semoga Allah S.W.T. menginsafkan masing-masing kita daripada sebarang kekhilafan dan kesalahan, dan semoga kita diberi petunjuk agar kembali ke pangkal jalan untuk meneruskan perjuangan yang suci seperti yang dikehendakiNya. Sesungguhnya kepada Allah kita mengabdi serta memohon taufik dan hidayah, dan kepada rakyat jelata kita serahkan amal bakti sedaya upaya.

tetapi juga pertubuhan induk itu sendiri. Adalah dicadangkan supaya pindaan dikemukakan, supaya hanya sesuatu cawangan yang melanggar subseksyen (1) Seksyen 12 akta Pertubuhan 1966 sahaja dianggap sebagai tidak sah. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 12 adalah bertujuan untuk menggunakan peruntukan seksyen 12 (3) seperti yang sedia ada kepada semua pertubuhan, yang berdaftar sehingga dan pada 1hb Januari 1987. Pada masa ini, adalah dirasakan bahawa kesan buruk yang dikenakan itu amatlah membebankan. Justeru itu sewajarnyalah pemakaian peruntukan seksyen 12 (3) dikuatkuasakan juga kepada pertubuhan-pertubuhan yang dinyatakan itu.

Pindaan yang akan dicadangkan ini juga akan mengelakkan daripada sebarang kekeliruan. Dengan pindaan ini sebarang pertubuhan yang berdaftar dan wujud menjelang dan pada 1hb Januari, 1987 hendaklah, terpakluk kepada seksyen 12 (3) akta Ibu, dianggap bukan sebagai pertubuhan yang telah melanggar seksyen 12 (3).

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan.

Secara berterus terang dan dengan penuh ikhlas, saya ingin memaklumkan bahawa tujuan utama usul untuk mengemukakan Rang Undang-Undang Persendirian ini ialah untuk menghidupkan kembali Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, atau yang lebih terkenal dengan panggilan UMNO, yang telah ditu-



**Beliau diiringi oleh teman-teman ke Dewan Rakyat  
untuk membentangkan Belanjawan Negara**





**Beliau bersama Tun Adam Malik**

bukan pada 1hb Mei, 1946. Pertubuhan ini yang telah amat besar jasanya kepada bangsa Melayu dan negara Malaysia, telah diisyiharkan sebagai tidak sah oleh Mahkamah Tinggi Malaysia pada 4hb Februari, 1988 yang lalu. Walaupun ada sesetengah pihak yang cuba hendak memutarbelitkan kenyataan mengenai siapa yang bertanggungjawab membunuh UMNO yang ditubuhkan dalam tahun 1946 itu, tetapi hakikat yang sebenar semuanya telah terakam dengan jelas dalam catatan mahkamah.

Tujuan saya mengemukakan usul ini bukanlah hendak mengungkit-ungkit siapa yang bersalah, tetapi yang lebih penting bagi saya dan bagi seluruh bangsa Melayu ialah bagaimana hendak menghidupkan kembali UMNO, yang telah diisyiharkan tidak sah itu. Sesungguhnya, usaha-usaha menghidupkan kembali UMNO itu adalah menjadi tanggungjawab moral ahli-ahli Dewan yang mulia ini, terutama yang berbangsa Melayu.

Kedudukan kita dalam Dewan ini sebagai Ahli-ahli dalam sebuah negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat, adalah berkat hasil perjuangan UMNO yang bermula dalam tahun 1946 itu. Ertinya, kita semua terhutang budi kepada UMNO. Dan didorong oleh rasa keinsafan untuk mengenang budi itulah seluruh bangsa Melayu khususnya dan masyarakat Melayu amnya wajar dan wajib berusaha bersungguh-sungguh untuk menghidupkan kembali UMNO. Selain daripada untuk mengenang budi, kita wajib berusaha menghidupkan kem-



Bellau sedang memotong kek hari jadi di rumah Tan Sri Osman Saad

bali UMNO kerana beberapa sebab yang lain, dan antaranya termasuklah:

- \* demi menegakkan syiar Islam;
- \* demi mempertahankan martabat dan kedaulatan raja-raja Melayu;
- \* demi memulihkan perpaduan bangsa Melayu;
- \* demi memantapkan kestabilan politik Malaysia;
- \* demi menegakkan keadilan;
- \* demi melanjutkan kesinambungan sejarah.

Saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, terutama yang pernah menjadi ahli UMNO, tentu telah faham dan arif tentang segala jasa UMNO terhadap negara dan penduduk Malaysia. Saya juga yakin bahawa ini adalah satu usul yang wajar dan wajib disokong. Wajar dalam erti bahawa ini adalah satu usul yang akan membawa penyelesaian terhadap pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara kita sekarang ini termasuk masalah perpaduan bangsa serta masalah pelaksanaan keadilan dan amalan demokrasi.

Usul ini wajib disokong dalam erti bahawa adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab moral Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Yang Mulia ini untuk menuara dan melahirkan hasrat dan harapan rakyat yang mereka wakili. Yakinlah bahawa rakyat jelata sekarang telah sangat rindu kepada perpaduan, mereka rindu kepada kestabilan politik, mereka rindu kepada keadilan dan amalan demokrasi. Dan semua

kerinduan mereka itu akan terpenuh bila UMNO yang ditubuhkan pada 11hb Mei, 1946, tetapi telah diisyiharkan sebagai tidak sah itu, dipulihkan kembali.

Marilah sama-sama kita memulihkannya dengan meluluskan usul yang ada di hadapan kita ini.

Saya membawa usul ini ke Parlimen kerana Parlimen adalah institusi penggubal undang-undang yang teragung dalam sistem politik negara kita ini. Parlimen adalah manifestasi kepada suara rakyat. Sesuai dengan keagungan Parlimen, bersandarkan kepada amalan demokrasi, menghormati kepada suara dan rintihan rakyat jelata, maka sesuatu penggubalan perundangan itu hendaklah mencerminkan kehendak rakyat jelata dan kepentingan ramai.

Berbagai-bagai langkah lain sebelum ini telah diusahakan oleh pelbagai pihak, termasuklah rayuan kepada Mahkamah Agung, dan rayuan-rayuan yang dikemukakan kepada Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri agar menggunakan kuasa eksekutifnya untuk memulihkan status legal parti yang telah sangat berjasa kepada rakyat dan negara kita ini.

Sepatutnya, usaha ini dilakukan oleh mereka yang memegang tampuk pimpinan parti dan juga mempunyai kekuasaan dalam kerajaan. Sungguhpun demikian, dengan penuh keinsiran saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini agar bersama-sama melaksanakan tanggungjawab moral kita memulihkan status legal parti yang telah menjadi warisan bangsa dan negara kita.

bangsa kita. Pada 11hb Mei, 1946 itulah, mereka menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Manakala 4hb Februari, 1988, adalah satu tarikh hitam dan duka, kerana pada tarikh itulah, UMNO, yang menjadi payung, panji dan lambang perpaduan bangsa kita diisyiharkan sebagai tidak sah oleh Mahkamah Tinggi, iaitu setelah diminta berbuat demikian oleh seorang peguam yang diupah oleh pimpinan yang menguasai UMNO ketika itu.

Berikutan dengan itu, maka semakin berlarut-larutlah sengketa dan perpecahan di kalangan bangsa Melayu hingga mengakibatkan timbulnya keresahan di kalangan seluruh masyarakat Malaysia.

Semuanya ini bermula bila kepimpinan UMNO pada masa itu tidak melayan aduan daripada sekumpulan ahli-ahli UMNO yang telah membawa kepada perhatian mereka beberapa perkara dan amalan di peringkat cawangan dan bahagian yang bercanggah dengan undang-undang tubuh UMNO, serta bercanggah pula dengan prinsip demokrasi dan lunas-lunas keadilan. Secara ringkas, aduan-aduan tersebut bolehlah disimpulkan seperti berikut:

\* Di beberapa bahagian UMNO, termasuk Pasir Putih, Machang, Rantau Panjang dan Nibong Tebal, telah terdapat beberapa cawangan yang tidak sah (kerana tidak berdaftar) tetapi telah menghantar wakil ke mesyuarat agung tahunan bahagian. Ertinya, dalam mesyuarat-mesyuarat agung bahagian berkenaan, wakil-wakil cawangan yang tidak sah telah dibenarkan mengambil bahagian, berba-

Saya ingin menghuraikan satu persatu dengan cara yang lebih terperinci sebab-sebab kenapa UMNO yang ditubuhkan dalam tahun 1946 itu mesti dihidup dan dipulihkan kembali.

Tetapi sebelum itu terlebih dahulu izinkanlah saya membawa ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini kepada serangkaian peristiwa yang ada hubungannya dengan keputusan Mahkamah Tinggi pada 4hb Februari, 1988 yang lalu, yang telah mengisyiharkan UMNO itu sebagai tidak sah. Peristiwa-peristiwa tersebut akan saya kemukakan kembali dalam Dewan yang Mulia ini agar dicatat kembali sebagai rakaman yang tepat dan betul; semoga dengan demikian sejarah politik dan sejarah kehakiman di negara kita ini akan dapat dibersihkan daripada tindakan-tindakan penyelewengan fakta.

Fakta yang betul dan tepat mengenai peristiwa Mahkamah Tinggi pada 4hb Februari, 1988 itu, penting bukan sahaja untuk kemurniaan hakikat sejarah, malah yang tidak kurang pentingnya ialah untuk memberi panduan dan pedoman kepada kita dalam berfikir dan bertindak.

Sebelas haribulan Mei 1946 adalah satu tarikh yang gemilang dalam sejarah kebangkitan bangsa Melayu. Pada tarikh itulah, di bawah kepimpinan seorang penganjur besar, Dato' Onn bin Jaafar, dengan semangat yang bernyala dan berkobar-kobar, bangsa Melayu memperlihatkan perpaduan mereka yang unggul, menentang pencerobohan kuasa penjajah Inggeris, yang cuba hendak mencabul martabat dan maruah

has dan mengundi.

\* Di bahagian Pekan, terdapat satu keadaan yang membenarkan kehadiran perwakilan yang bukan dari kalangan ahli UMNO dan beberapa orang wanita di bawah umur 16 tahun. Surat aduan secara rasmi telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat UMNO pada 17hb Mac, 1987 tetapi perkara ini tidak diperbetulkan.

\* Dalam perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO yang berlangsung pada 23hb April, 1987, terdapat wakil yang telah terlebih umur di samping memegang jawatan pegawai pentadbiran UMNO yang sebenarnya tidak boleh hadir sebagai ahli perwakilan dalam perhimpunan tersebut.

Kesemua maklumat-maklumat ini, serta banyak lagi penemuan maklumat-maklumat lain yang dikemukakan dalam mahkamah, disahkan betul dan diakui oleh Peguam bagi pihak pucuk pimpinan UMNO. Ertinya, peguam yang mewakili pihak yang berkuasa UMNO pada masa itu mengakui bahawa beberapa penyelewengan perbuatan melanggar peraturan telah berlaku dalam mesyuarat beberapa bahagian UMNO dan juga dalam Perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO pada 23 April, 1987.

Akibat daripada semuanya itu, adalah dianggarkan bahawa tidak kurang dari 56 orang dari perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO pada 24hb April, 1987 itu, boleh dipertikaikan kesahihan kehadiran mereka dari segi Undang-undang Tubuh UMNO.

Dalam aduan mereka kepada mahkamah, kumpulan tersebut telah meminta supaya Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan dalam

bulan April 1987 itu diisyiharkan sebagai tidak sah kerana ada beberapa perwakilan yang menghadirinya terdiri daripada cawangan-cawangan yang tidak berdaftar secara sah.

Mereka juga meminta supaya cawangan-cawangan tersebut dimansuhkan dan mesyuarat baru diadakan semula. Tetapi malangnya, peguam yang diupah oleh pucuk pimpinan UMNO yang berkuasa pada masa itu telah meminta mahkamah supaya keseluruhan pertubuhan UMNO diharamkan.

Kejadian ini amatlah pelik dan ganjal dan sangat 'ironical' sifatnya dalam mana seorang peguam yang sepatutnya mempertahankan UMNO daripada kemusnahan telah dengan sengaja mengemukakan hujah-hujah yang membawa kepada pemansuhan dan kemusnahan UMNO itu sendiri. Ini adalah satu tindakan 'kamikaze' atau perbuatan membunuh diri yang sangat menghairankan. Tindakan peguam tersebut menimbulkan tandatanya: sekiranya ada udang di sebalik batu atau adakah tindakan itu didorong muslihat-muslihat jahat yang sengaja dirancang oleh sekumpulan kecil yang bersifat tamak dan gila kuasa?

Sebagai satu helah untuk menutup muslihat-muslihat jahat mereka, maka mereka melemparkan tuduhan kepada orang lain. Kumpulan sebelas orang yang membuat aduan itu telah dituduh sebagai bertanggungjawab membunuh UMNO. Pihak yang membuat tuduhan itu sengaja melupakan bahawa aduan ke mahkamah itu dibuat adalah sebagai langkah terakhir berikut dengan keengganannya kepimpinan

adalah akibat kekecewaan dan kehampaan mereka dalam mendapat keadilan dari pucuk pimpinan yang ternyata telah memberikan layanan secara pilih kasih dan bersikap berat sebelah.

Selain itu, patut juga diingat bahawa keputusan mahkamah telah membuktikan bahawa pengaduan kumpulan sebelas orang itu adalah pengaduan yang mempunyai asas. Bukan sahaja mempunyai asas undang-undang, malah pengaduan mereka itu juga mempunyai asas moral dan prinsip-prinsip keadilan.

Memang disedari bahawa di masa-masa lalu banyak terdapat cawangan-cawangan UMNO yang tidak berdaftar. Tetapi kerana di masa itu pucuk pimpinan sentiasa peka terhadap masalah dan kehendak para ahli, maka sebarang sungutan dan rasa tidak puas hati telah dapat diselesaikan secara dalaman dan dalam suasana serta semangat kekeluargaan.

Perlulah diingati sebab utama ahli-ahli UMNO akhirnya mengadu kepada mahkamah adalah berpunca dari kelalaian dan kecuaian pucuk pimpinan parti memberikan layanan yang adil dan wajar terhadap sungutan dan rayuan yang munasabah.

Oleh kerana itu janganlah ada pihak yang berpura-pura tidak faham atau berpura-pura merasa hairan kenapa satu kumpulan yang seramai 11 orang itu membawa aduan mereka kepada mahkamah. Sebaliknya, Tuan Yang Di-Pertua, yang patut menghairankan kita ialah kelalaian atau kecuaian pihak yang berkenaan dalam memulihkan kembali kedudukan legal

memberi perhatian terhadap aduan yang mereka kemukakan mengikut saluran parti. Tuduhan-tuduhan liar juga dibuat kononnya saya dan rakan-rakan saya telah mendalangi kumpulan sebelas orang itu.

Sebenarnya oleh kerana aduan mereka yang bertujuan untuk menegakkan keadilan dan memelihara amalan demokrasi itu telah tidak diberi layanan yang wajar oleh kepimpinan UMNO, maka kumpulan yang membuat aduan tersebut telah terpaksa membawa aduan mereka kepada mahkamah sebagai satu tindakan terakhir.

Tindakan mereka ini memang diizinkan oleh undang-undang tubuh UMNO kerana sebelum ini mereka sudah pun mengambil langkah sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang tubuh UMNO. Tindakan mereka juga tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang negara.

Satu perkara yang patut dingatkan ialah bahawa ahli-ahli UMNO di masa-masa lalu tidak terfikir untuk mengadu hal ehwal parti mereka ke mahkamah. Ini kerana ketika itu mereka berpuas hati dengan cara aduan-aduan mereka dilayan dan diberi perhatian oleh pucuk pimpinan parti yang bertindak sebagai bapa yang sentiasa mereka jadikan tempat bermanja dan mengadukan berbagai-bagai masalah.

Mereka merasakan pucuk pimpinan parti sentiasa bersifat adil dan dapat menyelesaikan masalah dan aduan mereka secara yang saksama. Sedangkan pengaduan sebelas orang yang terpaksa merujuk kepada mahkamah itu

parti UMNO yang diisyiharkan oleh mahkamah sebagai tidak sah itu. Pihak yang berkenaan ini, di samping memegang tampuk pimpinan parti, adalah juga menguasai kerajaan, dan mempunyai pelbagai kemudahan untuk memulihkan kembali kedudukan UMNO itu, tetapi telah gagal melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka.

Yang sebenarnya, ada beberapa cara yang dapat dilakukan oleh pihak yang sedang berkuasa untuk memulihkan kembali status legal UMNO ini. Antaranya, termasuklah penyuatuasaan Seksyen 70 Akta Pertubuhan yang boleh digunakan oleh Menteri Dalam Negeri untuk mengecualikan UMNO, bukan saja dari ceraian 12(3), tetapi juga dari keseluruhan peruntukan Akta tersebut.

Selain itu, berasaskan pandangan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi, yang diperlengkungjawabkan mendengar kes yang dibicarakan ini, antara tindakan lain yang boleh diambil untuk memulihkan status legal UMNO itu ialah: mendaftarkan segera 30 cawangan yang telah dikenal pasti sebagai cawangan-cawangan yang masih belum terdaftar itu; dan mengadakan semula Perhimpunan Agung tahun 1987, serta mengadakan semula pemilihan untuk memilih Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO. Ini mesti dilakukan kerana Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi mendapati Perhimpunan Agong dan pemilihan dalam tahun 1987 tidak sah belaka.

Tetapi, sangatlah mendukacitakan, tidak ada sebarang langkah positif diambil oleh pihak yang mempunyai kekuasaan untuk memulihkan

status legal UMNO itu. Sebaliknya, apabila dikemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu ke Mahkamah Agung, sekali lagi peguam yang mewakili kepimpinan UMNO pada masa itu bukan sahaja telah meminta supaya UMNO kekal diisyiharkan tidak sah, malah beliau telah diarah meminta Mahkamah Agung mengenepikan keputusan bertulis Yang Arif Hakim Dato' Harun Hashim yang telah memutuskan bahawa kepimpinan UMNO hendaklah diserahkan kembali kepada Majlis Tertinggi yang dipilih dalam tahun 1984.

Pucuk pimpinan UMNO dalam rayuan balasnya telah memohon, melalui peguam mereka, supaya Mahkamah Agung turut mengisyiharkan pemilihan Majlis Tertinggi UMNO yang ke-37 pada tahun 1984 juga sebagai tidak sah.

Sebagai contoh, patut juga diingatkan bahawa Malaysian Indian Congress (MIC) juga telah mengalami kes yang serupa beberapa tahun yang lalu di mana status legal parti itu terancam kerana kewujudan beberapa cawangan yang tidak berdaftar. Tetapi masalah yang mengancam status legal MIC itu dapat diselesaikan bila cawangan yang tidak berdaftar itu memohon untuk didaftarkan dengan segera. Kalau keistimewaan seumpama itu dapat dinikmati oleh MIC, kenapakah pihak berkuasa dalam UMNO tidak mahu melakukannya?

Saya ingin menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, yang pernah menjadi ahli UMNO, supaya sama-sama kita berusaha menghidupkan kembali Pertubuhan

hadapan.

Satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah bahawa semenjak UMNO menghadapi gelora politik yang hebat akibat rasa tidak puas hati terhadap pucuk kepimpinan yang sedang berkuasa, perpaduan di kalangan bangsa Melayu juga telah menghadapi ancaman dan cabaran yang tidak kurang hebatnya. Keadaannya tak ubah seperti retak menanti belah.

Bila UMNO diisyiharkan sebagai pertubuhan tidak sah, dan bila tidak ada usaha yang sungguh-sungguh dari pihak yang berkuasa untuk memulihkannya dalam keadaan asal, perpaduan yang retak itu telah menjadi belah. Maka berlakulah perpecahan di kalangan ahli-ahli UMNO. Tetapi yang lebih mendukacitkan ialah bahawa perpecahan itu bukan sahaja terbatas kepada ahli-ahli UMNO, malah telah meleret-leret kepada para penyokong dan permerhati UMNO selama ini.

Perpecahan itu telah menjangkit keluar dari bidang politik sehingga merebak luas ke bidang sosial, ekonomi, kehakiman, birokrasi dan ke beberapa bidang atau sektor lain yang agak sensitif untuk disebut. Sebab utama kenapa perpecahan ini berlaku ialah di samping kerana tidak peka terhadap hasrat dan aspirasi rakyat jelata, kepimpinan politik yang berkuasa sekarang juga telah melakukan politik pecah dan perintah.

Saya yakin, pemulihan kembali UMNO dalam bentuk asalnya akan dapat dengan sendirinya memulihkan pula perpaduan bangsa Melayu dan masyarakat Malaysia keseluruhannya. Oleh

Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO yang ditubuhkan pada 11hb Mei, 1946 itu. Dengan kedudukan kita sebagai ahli badan penggubal undang-undang yang paling tinggi kuasanya dalam negara, iaitu Parlimen yang agong ini, usaha menghidupkan kembali UMNO itu tidaklah menimbulkan sebarang masalah. Bahkan boleh dilakukan dengan mudahnya.

Dengan lulusnya rang undang-undang yang saya cadangkan ini, maka UMNO yang diisytiharkan sebagai tidak sah pada 4hb Februari, 1988 itu, secara automatik akan hidup kembali. Jadi, yang perlu ialah supaya kita meluluskan usul ini bagi membolehkan Rang Undang-undang Persendirian yang bertajuk 'Suatu Akta bagi meminda Akta Pertubuhan 1966' ini dikemukakan.

Sesungguhnya kita semua dalam Dewan yang mulia ini terhutang budi kepada UMNO yang telah begitu banyak jasanya dalam memperjuangkan kemerdekaan untuk negara ini, meletakkan asas atau landasan untuk kerjasama antara kaum, memelihara kestabilan politik, memantapkan amalan demokrasi, melancarkan pembangunan sosial dan ekonomi, serta menjadikan Malaysia sebagai satu negara bermaruah dan berdaulat di kalangan dunia antarabangsa.

Pemulihan status legal UMNO wajib diusahakan bukanlah sekadar untuk memenuhi kehendak-kehendak nostalgia dan ingatan romantis ke zaman silam sahaja, tetapi yang lebih penting ialah untuk memulihkan perpaduan bangsa Melayu dalam menghadapi masa

kerana itu, demi pemulihan kembali UMNO 46 itu, demi perpaduan bangsa Melayu dan keharmonisan kehidupan masyarakat Malaysia, maka wajarlah Dewan yang mulia ini meluluskan usul yang sedang kita bahaskan ini.

Selain daripada untuk memulihkan perpaduan bangsa Melayu dan seluruh masyarakat negara ini, UMNO yang telah menjadi tunggak politik Malaysia semenjak lebih 40 tahun yang lalu itu, perlu dihidupkan kembali, untuk memantapkan kestabilan politik negara kita. Tentu kita semua menyedari bahawa kestabilan politik dan ekonomi yang sihat yang akan mendorong perkembangan dan pertumbuhan yang lebih pesat. Dan kita semua patutlah sedar bahawa cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi oleh negara semenjak beberapa tahun yang akhir ini sangatlah banyak.

Memang kita akui bahawa semenjak beberapa bulan yang akhir ini, keadaan ekonomi negara sudah mulai pulih. Tetapi, kita mestilah waspada dan jangan sampai terlena dengan anggapan seakan-akan ini merupakan satu pemulihan yang mutlak. Kita patutlah sedar bahawa sebagian besar daripada pemulihan ini berpunca daripada permintaan yang kuat dari luar negeri dan bukan kerana permintaan dalam negeri. Ini bermakna, bahawa perubahan negatif ekonomi dunia bila-bila masa sahaja boleh membawa kemelesetan kembali kepada ekonomi kita seperti yang baru kita alami.

Di samping itu, kita jangan sampai lupa bahawa hutang dalam dan luar negeri kita masih sangat besar sehingga melebihi Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) dan yang memerlukan pembayaran kembali sebanyak hampir 20% dari peruntukan belanjawan yang baru dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Sebagai bandingan, menurut Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan 1988/89, dalam tahun 1980 jumlah hutang negara adalah hanya sebanyak 45% dari KDNK, sedangkan jumlah tersebut telah meningkat menjadi 102% dalam tahun 1987 yang lalu. Perlu diingat, ini tidak termasuk beban hutang yang telah dilibatkan oleh 'Non Financial Public Enterprise.'

Kita juga masih menghadapi masalah pengangguran yang sangat membimbangkan terutama di kalangan mereka yang terpelajar. Masalah ini bukan sahaja mengecewakan mereka yang sudah masuk ke dalam pasaran buruh, malah juga menimbulkan kerunsingan di kalangan mereka yang sedang menuntut.

Kebimbangan dan kerunsingan kira mengenai masalah ekonomi ini juga melibatkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang kita ketahui tidak mencapai matlamatnya baik dari segi pembasmian kemiskinan mahupun dari segi penyusunan semula masyarakat. Sekarang, Dasar Ekonomi Baru hampir sampai ke penghujungnya. Oleh kerana itu, kita perlu secara bersungguh-sungguh memikirkan langkah-langkah yang mesti diambil untuk menentukan pencapaian matlamat asal. Semuanya ini memerlukan penyelesaian kepada masalah politik yang kita hadapi sekarang ini.

Perbuatan mengelirukan orang ramai dengan mendakwa kononnya UMNO (Baru) adalah

Itulah sebabnya, UMNO asal yang ditubuhkan dalam tahun 1946 itu perlu dihidupkan kembali. Pemulihian UMNO 46 itu adalah syarat yang utama untuk mewujudkan perpaduan dan mengukuhkan kestabilan politik serta untuk menyelesaikan pelbagai masalah ekonomi negara yang masih penuh dengan cabaran dan dugaan.

Pendeknya, di sebalik rasa lega kita mengenai bayang-bayang pemulihian ekonomi, kita jangan sampai leka terhadap pelbagai masalah yang disebutkan tadi yang memerlukan azam politik dan penggembelingan segala sumber yang ada pada bangsa dan negara kita. Untuk semuanya ini kita memerlukan satu parti tunjang yang kuat seperti mana telah dibuktikan oleh UMNO selama berpuluhan-puluhan tahun lalu.

Di samping iklim ekonomi yang sihat dan sesuai untuk perkembangan dan pertumbuhan yang lebih pesat, kita juga memerlukan satu amalan demokrasi yang sihat. Ini adalah penting kerana hanya dengan terpeliharanya amalan demokrasi itulah hasil atau manfaat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat itu akan dapat diagihkan dengan adil demi kesejahteraan dan kemakmuran segenap lapisan masyarakat. Dan lebih penting lagi, hanya amalan demokrasi yang sihat sahaja yang akan dapat memastikan kekuasaan tidak disalahgunakan.

Seperti telah banyak terbukti dengan pelbagai contoh yang dapat kita kemukakan, UMNO yang diasaskan oleh Allahyarham Dato' Onn dalam tahun 1946 itu telah membina satu

UMNO yang asal, hendaklah dihentikan. Kita janganlah sampai terpedaya dengan dakwaan sedemikian. Rakyat jelata sedar bahawa UMNO (Baru) ditubuhkan dalam suasana dan dengan maksud serta niat yang sangat berbeza dengan penubuhan UMNO asal.

Bukan itu sahaja, semangat demokrasi dan semangat perpaduan yang hendak menyatukan semua bangsa Melayu dan memberi hak berorganisasi yang adil kepada mereka seperti yang terdapat dalam UMNO 46, tidak terdapat dalam UMNO (Baru). Walaupun UMNO (Baru) cuba hendak meniru-niru UMNO 46 dan semenjak beberapa minggu yang akhir ini cuba pula mendapat berbagai-bagai tawaran dan sogokan, namun orang ramai telah lebih dari faham untuk membezakan antara kaca dengan intan, kerana niat atau nawaitu penubuhan UMNO (Baru) itu sudah bertentangan dan bercanggah dengan falsafah dan Semangat UMNO 46.

Bagi kita, ratusan ribu bekas ahli-ahli UMNO, yang tidak pernah berhenti atau disingkir dari parti, menuntut supaya hak kita sebagai ahli dikembalikan dengan cara memulihkan UMNO. Pemulihan kembali secara 'intact' Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO yang ditubuhkan pada 11hb Mei, 1946 itu, merupakan langkah yang nyata dan konkrit ke arah perpaduan bangsa, oleh kerana dengan langkah pemulihan itu sekaligus ia akan mengembalikan maruah, hak-hak dan kedudukan setiap ahli dibawah perlombagaan parti UMNO asal sepertimana terdapat sebelum ia diisyiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi.

tradisi, dan telah membentuk satu mekanismanya yang tersendiri dalam mengamalkan demokrasi. Dengan tradisi dan mekanisma tersebutlah selama 40 tahun UMNO telah membuktikan dirinya sebagai satu pertubuhan yang peka terhadap pelbagai masalah, baik masalah bangsa Melayu mahupun masalah masyarakat Malaysia seluruhnya.

Dengan kepekaan yang sedemikianlah, UMNO telah membina satu sifat yang 'flexible' serta 'accommodative' dalam menghadapi pelbagai tuntutan dan perubahan dari masa ke semasa. Dengan sikap yang 'flexible', tidak mendendam dan sedia memaafkan, UMNO telah menerima kembali beberapa orang individu yang pernah dibuang daripada menjadi ahli.

Dengan sifatnya yang peka, 'flexible' dan 'accommodative' itulah UMNO menyesuaikan diri dengan perubahan dan pergolakan politik yang berlaku, mulai dari perjuangan menentang Malayan Union, diikuti dengan perjuangan menuntut kemerdekaan serta merintis kerjasama antara kaum, kemudian diikuti pula dengan usaha-usaha pembangunan sosial dan ekonomi terutama melalui Dasar Ekonomi Baru.

Sepanjang sejarahnya selama lebih 40 tahun itu, memang telah banyak cubaan dan dugaan yang dihadapi oleh UMNO. Tetapi berkat kekuatannya yang berasaskan kepada kepekaan, 'flexible', dan 'accommodative' itu, semua dugaan dan cubaan tersebut telah diatasi oleh UMNO dan pimpinannya dengan penuh kejayaan sehingga ke tahun 1986 yang lalu.

Sejak tahun 1986, pucuk pimpinan UMNO

dan negara telah menghadapi satu krisis keyakinan atau 'credibility crisis', kerana telah tidak lagi menghormati prinsip-prinsip demokrasi dan keadilan; dan juga kerana telah melakukan 'economic mismanagement'. Kerana itulah mereka dicabar dan ditentang secara besar-besaran dan sungguh-sungguh. Dari satu segi, penentangan itu bolehlah dianggap sebagai satu ujian kepada mereka yang sedang berkuasa dalam mengamalkan demokrasi.

Ini adalah juga merupakan satu ujian terhadap kejujuran dan sikap toleransi mereka. Dari satu segi yang lain, semuanya itu bolehlah juga dianggap sebagai satu ujian kepimpinan kepada mereka untuk meneruskan tradisi UMNO. Ertinya, mereka yang sedang berkuasa itu sedang dihadapkan dengan satu ujian dari segi kepekaan, 'flexibility' dan toleransi, serta budaya politik Melayu yang menjadi anutan UMNO selama berpuluh-puluh tahun.

Jika mereka lulus ujian tersebut, maka bermaknalah bahawa mereka telah berjaya melanjutkan tradisi UMNO yang menjunjung tinggi nilai-nilai demokrasi serta peka pula terhadap pelbagai perubahan sosial dan politik yang sedang berlaku. Tetapi ternyata mereka telah gagal dalam menghadapi ujian tersebut. Mereka gagal dalam erti bahawa mereka sudah tidak lagi peka terhadap perubahan sosial dan politik yang berlaku.

Mereka gagal kerana telah tidak dapat melanjutkan tradisi kejujuran dan keikhlasan dalam perjuangan UMNO; mereka dengan sengaja telah menanam bibit-bibit perpecahan yang

marilah kita kembali ke pangkal jalan. Marilah bersama-sama kita menghidupkan kembali Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, UMNO, yang telah berjasa besar kepada bangsa Melayu khususnya, serta seluruh rakyat dan negara Malaysia, amnya.

Oleh kerana itu dengan penuh insaf dan kesedaran, atas nama kita yang cintakan UMNO, kita yang telah mewarisi UMNO dan tradisi budayanya, kita yang telah bersumpah setia untuk mempertahankan UMNO dengan apa sahaja, kita yang telah menyaksikan sumbang UMNO terhadap perpaduan bangsa dan kestabilan politik negara, haruslah dengan satu tekad, satu suara, satu nada, menyisihkan segala perbezaan dan membenamkan segala perselisihan, berusaha secara bersama untuk mengembalikan UMNO yang telah menjadi pusaka bangsa kita selama ini.

Untuk semuanya itulah, Tuan Yang Di-Pertua, dengan penuh rasa tanggungjawab dan dengan segala hormat dan takzimnya, saya merayu dan berseru kepada sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini agar bersama-sama meluluskan usul ini demi melaksanakan tanggungjawab moral kita kepada rakyat jelata dan kepada kesinambungan sejarah bangsa dan negara kita yang tercinta ini.

Semenjak politik di negara kita bergelora, tentulah ramai di kalangan kita yang terlibat telah tersulut dan tersilap. Sebagai seorang hamba Allah yang daif dan lemah, tentulah saya juga tidak sunyi daripada melakukan kesilapan-

akhirnya memusnahkan UMNO, iaitu dengan secara sedar dan sengaja membiarkan kewujudan cawangan-cawangan yang tidak berdaftar; mereka gagal mengamalkan adat resam Melayu yang memuliakan sifat maaf memaafkan.

Akibat daripada kegagalan-kegagalan mereka itulah maka UMNO telah diisyiharkan sebagai pertubuhan tidak sah oleh mahkamah. Bukan sahaja gagal dalam ujian tersebut, malah mereka juga telah gagal dalam usaha, atau memang sengaja tidak berusaha, memulihkan kembali status legal UMNO setelah diisyiharkan sebagai tidak sah itu. Maka oleh kerana itulah, Tuan Yang Di-Pertua, saya berusaha untuk mengemukakan usul di hadapan kita ini, sebagai satu usaha untuk memulihkan kembali status legal pertubuhan yang telah sangat berjasa kepada bangsa Melayu, serta masyarakat dan negara Malaysia.

Pendeknya, kita mahu menghidupkan kembali UMNO yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip demokrasi dan keadilan, UMNO yang peka terhadap aspirasi rakyat jelata, UMNO yang akan melanjutkan tradisi memuliakan amalan bertolak-ansur dan sifat saling maaf memaafkan. Kita mahu menghidupkan kembali UMNO yang sentiasa mempertahankan dan menjunjung tinggi martabat dan maruah bangsa, iaitu UMNO yang telah berjaya menyatu-padukan ummat Melayu semenjak 11hb Mei, 1946 dahulu.

Marilah kita lupakan perbezaan pendapat dan perselisihan faham sesama kita; marilah kita ambil yang jernih dan buang yang keruh;

kesilapan yang tidak disengajakan. Oleh itu, menerusi sidang Dewan yang mulia ini dengan ikhlas dan segala rendah hati saya memohon berbanyak-banyak maaf dan berdoa agar kita bersama-sama diberikan petunjuk oleh Allah s.w.t dalam usaha kita untuk memperkuatkan kembali silaturrahim dan berusaha ke arah perpaduan.

## **MENGAPA SEMANGAT '46 PERLU KERJASAMA PAS**

**Terima kasih kepada pihak pengajur (Dewan Pemuda PAS) atas kesudian memberi peluang kepada saya menyertai majlis Makan Malam ini dan juga menyampaikan ucapan.**


Adalah diharapkan majlis ini akan membawa manfaat yang besar bukan sahaja kepada pihak Dewan Pemuda PAS untuk mencapai matlamat majlis ini. Malah diharapkan majlis ini juga turut menjalin tali silatulrahim di kalangan para hadirin sekelian.

Pada hari ini ramai orang bercakap mengenai perpaduan. Ini jelas menunjukkan bahawa ramai yang sedar bahawa anggota masyarakat kita telah berpecah. Bagi saya sendiri, berpecahnya sesuatu masyarakat itu bukanlah satu perkara baru. Kerana pada hakikatnya tiada satu masyarakat pun di dunia ini yang anggotanya dapat bersatu seratus peratus.

Malah tidak semestinya sesebuah bangsa atau masyarakat itu akan hancur sekiranya anggotanya berpecah. Apakah lagi perpecahan

---

*Ucapan YBM Tengku Razaleigh Hamzah di Majlis Makan Malam anjuran Dewan Pemuda PAS Pusat, di Dewan Berlepas Tabung Haji, Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan, pada 23hb. Disember 1988*



**Tengku Razaleigh memulakan  
era baru bersama PAS**


itu hanyalah perpecahan dari segi pendapat atau ideologi sahaja.

Misalnya, masyarakat dalam setiap negara di Eropah telah berpecah dari segi anutan ideologi mereka sejak dahulu lagi. Ada yang menganuti ideologi kiri, ada kanan dan ada tengah. Tetapi ini tidak bermakna masyarakatnya tidak maju. Sebaliknya pertandingan antara pelbagai ideologi inilah menyebabkan setiap pihak terpaksa berhati-hati dalam melaksanakan dasarnya kerana takutkan kedudukannya tidak akan popular lagi di masa depan. Oleh itu rakyatlah akhirnya akan mendapat keuntungan.

Begitu juga dalam masyarakat Islam, sejak selepas zaman empat orang khalifah utama Islam, umat Islam mulai berpecah. Namun ini tidak bermakna Islam tidak boleh berkembang dan keagungan Islam tidak boleh menyinari dunia selepas itu.

Di Malaysia pun begitu juga, orang Melayu sendiri berpecah bukanlah satu perkara baru. Dari dulu lagi, kita sudah ada UMNO, PAS, Parti Rakyat, HAMIM, BERJASA dan lain-lain. Itu dari segi politik, kita juga berpecah dari segi wilayah dan daerah, kerana ada Terengganu, Pahang, Kedah, Selangor, Kelantan dan lain-lain. Malah di kalangan gerakan dakwah di negara inipun kita ada pelbagai aliran yang kadang kala tidak secocok antara satu sama lain. Iaitu Arqam, ABIM, Tabligh dari India dan lain-lain.

Kesemua ini menggambarkan bahawa sudah



Berbual dengan Ustaz Fadzil Mohd. Noor sambil disaksikan oleh Dr. Syed Husin Ali

BERITA SABAH DAN SARAWAK



Sebagai pemimpin rakyat YBM Tengku Razaleigh Hamzah sentiasa mendampingi rakyat dan beramah mesra dengan mereka

menjadi naluri dan hakikat semula jadi bahawa masyarakat ciptaan Allah ini adalah unik, yang mempunyai pelbagai cita-cita dan cita rasa. Apatah lagi masing-masing bercita-cita untuk membawa kebaikan kepada masyarakatnya dan berkeyakinan bahawa caranya ialah yang terbaik.

Inilah yang membuktikan kekayaan Allah. Allah mencipta manusia dalam kepelbagaian sedangkan robot ciptaan manusia mampu membuat sesuatu yang serupa sahaja setiap masa, tidak berbalah, tidak mencabar dan dicabar. Semua bergantung kepada apa yang diprogramkan oleh tuannya. Robot tiada perasaan dan naluri. Tiada jiwa dan roh. Ia hanya mampu berkerja dengan pantas dan cekap. Dan ia boleh dihancurkan dalam sekelip mata sahaja.

Oleh itu, kita bukan robot, kerana kita punya akal dan fikiran, kita tidak perlu taat kepada tuan yang memprogramkan kita. Kerana kita hanya perlu taat kepada Tuhan yang mencipta kita. Dalam lain perkataan, sebagai seorang Islam, kita perlu membebaskan diri kita dari manusia yang mahu menjadikan kita robot. Terpaksa tunduk di bawah telunjuk orang yang memprogramkan kita setiap masa. Oleh itu, kita bertanggungjawab membebaskan pengabdian manusia kepada manusia kepada pengabdian manusia kepada Allah sahaja. Manusia tidak perlu takut kepada manusia lain kerana ia hanya perlu takut kepada Allah.

Begitulah juga mengenai perpaduan, tiada makna kalau perpaduan itu hanya untuk menemukan beberapa orang tertentu sahaja, agar



Walaupun YBM Tengku Razaleigh tidak lagi memegang jawatan dalam kabinet tetapi beliau terus diberi penghormatan oleh rakyat bagi merasmikan masjid Peringat dalam parlimen Nilam Puri

mereka bersalaman dan berpelukan. Kerana perpaduan masyarakat Islam yang hakiki seharusnya bukan untuk menyelesaikan masalah beberapa kerat manusia. Apatah lagi akhirnya beberapa kerat manusia ini, setelah berpadu, akan berpaling kepada orang ramai dan memaksa orang ramai tadi menjadi robot, bekerja untuk kepentingan mereka tadi pula.

Oleh itu, saya turut berkeyakinan, perpaduan yang hakiki ialah yang dapat merangkumi keseluruhan anggota masyarakat, samaada dari golongan pemerentah atau diperentah. Dari golongan cendikiawan sampailah kepada petani dan nelayan. Dari menteri sampailah ke buruh kasar dan sebagainya.

Malah lebih penting dari itu perpaduan ini pula tidak terlepas sama sekali dari ikatan tali Allah S. W. T.

Sehubungan dengan itulah, saya sangat berharap, perjumpaan kita hari ini bukan sahaja membuka jalan kepada ikatan ukhwah yang lebih luas di kalangan kita. Malah ia harus merintis dan meluaskan jalan ukhwah yang hakiki, ke segenap ruang serta segenap lapisan masyarakat yang kita sayangi.

Insya-Allah, saya berjanji, walaupun dengan pelbagai kelemahan, kekerdilan dan kejahilan yang ada pada diri saya, saya akan berusaha membantu dan menjayakan usaha murni rakyat ke arah mencapai hasrat dan tujuan murni untuk kebaikan dan kesejahteraan kita dan keturunan kita bersama.

Dulunya, antara kami di sini ada yang bersama saya mendayung perahu menyeberang

"Dulunya, antara kami di sini ada yang bersama saya mendayung perahu menyeberang lautan. Ada pula dikalangan tuan-tuan yang mendayung perahu lain, yang juga untuk menyeberang lautan itu. Semoga selepas ini, bersamalah kita membina kapal yang lebih besar dan kukuh untuk kita layarkan bersama ke pelabuhan yang dituju dengan tekad dan azam yang padu".

*Majlis Makan Malam arjuran Dewan Pemuda PAS Pusat 23hb. Disember 1988*

".....bagi saya dan rakan-rakan yang berkenaan, kedudukan atau jawatan sebagai Menteri bukanlah soal utama. Disamping itu, patutlah juga disedari bahawa kemasukan dua orang pemimpin ke dalam kabinet tidak mungkin dapat menteramkan kerohanian dan kegelisahan rakyat....."

*Ketika menolak jawatan Menteri Tak Berpotfolio dalam kabinet 20hb. November 1988*

" Kita tidak boleh berpura-pura untuk tidak mengakui keadaan kucar-kacir yang sedang berlaku di kalangan bangsa Melayu dipelbagai bidang, yang berhubungan dengan ketuanan Melayu....."

*Ucapan di Dewan Rampaisari Hotel Merlin, Subang Jaya pada 11hb. Jun 1988*

".....semua kemungkaran politik dan ekonomi itu mestilah kita tentang. Kita tentang dengan berani. Kita tentang dengan azam dan semangat yang bernyala. Kita tentang dengan penuh tanggungjawab."

*Ucapan dasar sebagai calon Presiden UMNO pada 19hb. April 1987*

batas di bidang politik dan ekonomi sahaja malah juga di bidang sosial, pendidikan dan keagamaan. Kita merasakan seakan-akan berada dalam keadaan yang tidak tentu arah dan rakyat ramai seakan-akan kehilangan pedoman kerana para pemimpin yang sedang berkuasa telah terlalu banyak membazirkan masa dan tenaga dengan kegiatan-kegiatan yang "counter productive" termasuk perbuatan mengganggu gugat institusi-institusi demokrasi. Manakala jika ada barisan pemimpin yang cuba hendak memberikan alternatif-alternatif lain, mereka dilempari dengan tuduhan-tuduhan, tohmahan-tohmahan, cercaan-cercaan yang tidak berasas serta penuh putar belit. Sebarang pihak yang membuat teguran dan hendak mengemukakan alternatif itu dihantui dan digertak dengan pelbagai ugutan dan tekanan yang mengwujudkan berlakunya suasana ketakutan dan syak wasangka di dalam masyarakat. Akibatnya kita merasa seakan-akan hidup dalam satu "budaya gerun dan saling tidak mempercayai" satu "culture of fear and suspicions."

Kita merasakan kebebasan kita dari sehari kesehari semakin merosot dan menghadapi ancaman. Sehubungan dengan ini suasana kemesraan, semangat muhibbah sesama kita serta amalan pertukaran fikiran yang bebas dan sihat mengalami hakisan dan nampaknya mengarah kepada suasana yang semakin tidak mengenal tolak ansur dan semakin mengene-pikan sama sekali semangat setiakawan dan musyawarah.

Kebebasan bersuara dan penyaluran berita